



SELANGOR

www.selangorkini.my @Media_Selangor

selangortv.my MediaSelangor



PERCUMA 20 - 26 Disember 2018, 12 - 18 Rabiul Akhir 1440

LAWATAN POSITIF
KE NUSA TENGGARA BARAT

MUKA 3

HARGAI KEPELBAGAIAN KUNCI
KEMAJUAN SOSIOEKONOMI

MUKA 5

MALAYSIA
DI KEDUDUKAN BAIK

MUKA 7

LINDUNGI KEBAJIKAN
WARGA EMAS

MUKA 9

REALISASI HAB HALAL GLOBAL



OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Potensi industri halal yang semakin meningkat di dunia menyebabkan Kerajaan Negeri merangka 'Selangor Halal Action Plan' (SELHAP) bagi meneka industri berkenaan, sekali gus menjadikan Selangor sebagai hab halal global.

Ketua Pegawai Eksekutif Invest Selangor Berhad (Invest Selangor), Dato' Hasan Azhari Idris berkata, SELHAP adalah pelan tindakan khusus industri halal negeri bagi tempoh 10 tahun yang komprehensif dalam menentukan hala tuju pembangunannya dan menjadi pilihan nombor satu dunia

perdagangan halal.

Katanya, Kerajaan Negeri menyedari bahawa produk dan perkhidmatan halal bukan sahaja menjadi permintaan atau keperluan bagi pengguna Islam sahaja sebaliknya pengguna bukan Is-



lam dari negara bukan Islam turut berminat dalam industri itu.

"Industri halal adalah sebuah industri yang berpotensi dan berkembang dengan sangat pantas. Ketika ini, Malaysia antara juara di peringkat dunia dalam

industri ini.

"Produk dan perkhidmatan halal bukan sahaja menjadi satu permintaan atau keperluan bagi pengguna bukan Islam sahaja. Kini, ia turut diterima negara bukan Islam antaranya Brazil, Jepun, Thailand, Korea Selatan, Australia dan China kerana produk serta perkhidmatan ini bukan sahaja menjanjikan kesucian, malahan menekankan aspek kebersihan (hygiene) juga kualiti,"katanya.

Beliau berkata demikian di Program Town Hall untuk kajian dan penyediaan Pelan Tindakan Hala Tuju Industri Halal Selangor 2018-2028, di Pusat Konvensyen Shah Alam (SACC), di sini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan (Pembangunan) merangkap Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN), Dato' Ahmad Suaidi Abdul Rahim dan Pengarah Majlis Halal Malaysia Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Dato' Dr Sirajuddin Suhaimee.

Hasan berkata, potensi industri itu dijangka meningkat setiap tahun di rantau ASEAN kerana populasi penduduk Islam dunia ketika ini seramai 1.8 bilion dan akan bertambah sehingga 2.2 bilion pada tahun 2030 atau meliputi 28 peratus daripada jumlah penduduk dunia.

Katanya, permintaan terhadap produk dan perkhidmatan halal adalah tinggi sehingga mencecah

USD680 bilion setahun berdasarkan kepada angka itu.

"Ini membuktikan peluang dan potensi pertumbuhan industri ini sangat besar bukan sahaja membabitkan produk makanan serta minuman tetapi perkara lain termasuk penjagaan kesihatan juga farmaseutikal, penjagaan diri dan kosmetik (modest fashion), logistik, pelancongan selain perkhidmatan kewangan,"katanya.

Bagi menjayakan SELHAP, Invest Selangor yang juga sekretariat bagi Majlis Halal Negeri diberi tanggungjawab oleh Kerajaan Negeri bersama Majlis Agama Islam Selangor dan Jabatan Agama Islam Selangor untuk merangka serta menjayakan pelan berkenaan.

22 NOV 2018 - 01 JAN 2019
KOMPLES PKNS SHAH ALAM
10.00 A.M - 10.00 P.M

AISHAH GEGARVAGANZA

KHAI BAHAR

BACK TO SCHOOL & YEAR END SALE

22 DECEMBER 2018 (Saturday)
2pm - 3pm : Open Karaoke
3pm - 4pm : Fatm Husna with Syria Care
4pm - 5pm : Khai Bahar Performance

23 DECEMBER 2018 (Sunday)
2pm - 3pm : Family Treasure Hunt
3pm - 4pm : Buskers Performance
4pm - 5pm : Buskers Performance

29 DECEMBER 2018 (Saturday)
2pm - 3pm : 'Batik' Painting
3pm - 4pm : Bumblebee Mascot
4pm - 5pm : Stage Games-Get Your Uniform 2

30 DECEMBER 2018 (Sunday)
2pm - 4pm : Free Hair Cut
4pm - 5pm : Aishah Gearvaganza Performance

YEAR END SALE
SPECIAL OFFER
UP TO 90% OFF!

📍 Kompleks PKNS Shah Alam
📱 @komplekspknsshahalam
📞 Activities Inquiries: Linda/Farid/Faizal 03-5513 3845



Pemergian Allahyarham Muhammad Adib

Sultan Sharafuddin zahir dukacita

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Duli Yang Maha Mulia (DYMM) Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah dan DYMM Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin, menzahirkan rasa sedih serta dukacita atas pemergian anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim.

Baginda turut berkenan mengutus surat takziah kepada bapa Muhammad Adib, di Kuala Kedah, Kedah.

Dalam titah ucapan takziah kepada keluarga Allahyarham Muhammad Adib, baginda menzahirkan rasa simpati dan ucapan takziah kepada waris juga ahli keluarga serta berharap mereka redha selain tabah menerima ketentuan itu.

Titah baginda, pemergian Allahyarham Muhammad Adib amat dirasai oleh seluruh rakyat Malaysia dan percaya

pengorbanan wira itu adalah sesuatu yang amat mulia di sisi agama, bangsa juga negara.

"Beta dan Tengku Permaisuri Selangor berasa amat sedih dan dukacita apabila mendengar berita pulangnya ke rahmatullah anggota bomba, Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, yang beta difahamkan Allahyarham diserang ketika menjalankan tugas memadam kebakaran dalam kejadian rusuhan, di perkarangan Kuil Sri Maha Mariamman USJ, Subang Jaya, pada 27 November lalu.

"Beta dan Tengku Permaisuri Selangor berdoa semoga roh Allahyarham dicucuri rahmat oleh Allah SWT dan ditempatkan bersama golongan orang yang beriman," titah baginda.

Terdahulu, anggota bomba yang cedera parah dalam insiden rusuhan di Kuil Sri Maha Mariamman Seafield bulan lalu itu meninggal dunia, di Institut Jantung Ne-

gara (IJN), jam 9.41 malam, pada 17 November lalu.

IJN dalam kenyataan menjelaskan keadaan kesihatan Muhammad Adib semakin merosot dan fungsi paru-parunya mengalami penurunan beransur-ansur, sejak 24 jam sebelum itu.

Selepas menjalankan penilaian menyeluruh, paru-paru anggota bomba itu didapati menunjukkan tanda konsolidasi dan pengerasan tisu yang menjadikan pertukaran gas tidak berkesan.

Dalam kejadian awal pagi 27 November lalu, Muhammad Adib yang juga anggota

Unit Bantuan Perkhidmatan Kecemasan (EMRS) Balai Bomba dan Penyelamat Subang Jaya parah dipercayai dipukul sekumpulan perusuh, di hadapan kuil berkenaan.

Muhammad Adib dimasukkan ke unit jagaan rapi Pusat Perubatan Ramsay Sime Darby, Subang Jaya, kira-kira jam 1 pagi hari kejadian, sebelum dipindahkan ke IJN, pada keesokan malamnya



Seret penjenayah ke muka pengadilan

SHAH ALAM - Kerajaan Negeri merakamkan ucapan takziah buat keluarga Allahyarham Muhammad Adib Mohd Kassim, yang disahkan meninggal dunia di Institut Jantung Negara, jam 9.41 malam, pada 17 Disember lalu.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, semua pihak diminta bersama-sama berdoa supaya roh Allahyarham Muhammad Adib dicucuri rahmat dan ditempatkan, di syurga penuh nikmat.

"Saya dimaklumkan pihak polis baru sahaja mengklasifikasi kes di bawah Seksyen 302 Kanun Keseksaan iaitu kes bunuh.

"Saya menggesa semua pihak memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya dan mengheret penjenayah ke muka pengadilan," katanya dalam kenyataan.

Jenazah Muhammad Adib dibawa ke Balai Bomba Hang Tuah di ibu negara pada 18 Disember lalu untuk penghormatan terakhir sebelum dibawa menaiki helikopter MI17-IV milik Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) ke Kedah bagi proses pengebumian, selepas solat Zohor.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan isteri, Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali turut berada di Airod Subang untuk memberi penghormatan terakhir ketika je-



Saya menggesa semua pihak memberi ruang kepada pihak berkuasa untuk mengambil tindakan sewajarnya dan mengheret penjenayah ke muka pengadilan

AMIRUDIN SHARI
Dato' Menteri Besar

nazah Muhammad Adib diusung ke helikopter untuk diterbangkan ke kampung halamannya.

Jenazah Allahyarham Muhammad Adib tiba di Pangkalan Udara JBPM Kedah kira-kira jam 7.55 pagi selepas disolatkan di Institut Perubatan Forensik Negara, Hospital Kuala Lumpur.

Al-Fatihah

PRK Cameron Highlands 26 Januari 2019

PUTRAJAYA - Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) menetapkan 26 Januari 2019 sebagai hari pengundian bagi Pilihan Raya Kecil (PRK) P078 Cameron Highlands.

Pengerusinya, Azhar Azizhan Harun berkata, tarikh penamaan calon pula ditetapkan pada 12 Januari 2019, manakala tempoh berkempen dijalankan selama 14 hari.

Katanya, bagi pilihan raya kali ini, SPR menggunakan senarai data memilih sehingga suku ketiga 2018, yang dikemas kini, sehingga 14 Disember lalu.

"Kerusi Parlimen Cameron Highlands mempunyai sejumlah 32,009 pemilih berdaftar yang terdiri daripada 31,750 pengundi dan 247 pe-ngundi awal dan 12 pengundi tidak hadir luar negara.

"Seramai 811 petugas dilantik mengendalikan proses pilihan raya, manakala 31 pusat pengundi daripada 88 saluran digunakan untuk kemudahan mengundi," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Mesyuarat Khas PRK Cameron Highlands bertempat di Menara SPR, pada 19 Disember lalu.

Turut hadir Setiausaha SPR, Datuk Mohamed Elias Abu Bakar serta pegawai kanan SPR.

Azhar berkata, kos PRK Cameron Highlands dianggarkan memerlukan peruntukan RM3.5



juta.

"SPR turut melantik Pegawai Daerah Cameron Highlands, Dato' Ishak Md Napis sebagai Pegawai Pengurus PRK P078 Cameron Highlands," katanya.

Pada 30 November lalu, Mahkamah Khas Pilihan Raya di Kuala Lumpur mengisytiharkan kerusi Cameron Highlands kosong selepas mendapati terdapat amalan rasuah yang membawa kepada kemenangan calon Barisan Nasional (BN) iaitu Datuk C Sivarajah.

Calon DAP, M Manogaran, mengemukakan petisyen pada Jun lalu yang mendakwa Sivarajah melanggar Akta Pilihan Raya 1954 apabila didakwa menyogok pengundi Orang Asli.

Manogaran mendakwa, Sivarajah yang berkempen bersama Menteri Besar Pahang, Datuk Seri Wan Rosdy Wan Ismail, membayar penduduk Orang Asli an-

tara RM30 hingga RM1,000 melalui tok batin bagi memastikan kemenangan BN dalam pertandingan lima penjur.

Sivarajah menang dengan undi 10,307 undi, manakala Manogaran memperoleh 9,710 undi, calon PAS, Wan Mahadir Wan Mahmud memperoleh 3,587 undi, calon Parti Sosialis Malaysia, B Suresh Kumar (680) dan calon parti Berjasa, Mohd Tahir Kassim (81).

Sebelum ini, Sivarajah menyatakan tidak akan mengemukakan rayuan terhadap keputusan mahkamah yang membatalkan kemenangannya pada Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14), 9 Mei lalu.

Beliau menyatakan akan menghadapi PRK selaras dengan keputusan yang dipersetujui di peringkat kepimpinan (BN) dan Jawatankuasa Kerja Pusat (CWC) MIC.

Lawatan positif ke Nusa Tenggara Barat

Lonjak pelancongan negeri

OLEH AFIX REDZUAN

LOMBOK - Kerajaan Selangor percaya kunjungan ke Nusa Tenggara Barat (NTB) mampu memberikan impak positif khususnya dalam bidang pelancongan.

EXCO Kebudayaan dan Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari berkata, Selangor boleh mempelajari pelbagai inisiatif yang digunakan NTB dalam membangunkan industri pelancongan ke arah lebih baik.

"Kita bersyukur kerana berjaya mengadakan sesi perbincangan dengan pengurus pembangunan bandar The Mandalika, Indonesia Tourism Development Corporation (ITDC).

"Banyak pembangunan hotel, 'homestay' dan peluang komersial. Kita juga berbincang bagaimana hala tuju persahabatan dua hala Selangor-NTB dan mengadakan kolaborasi produk pelancongan untuk

Kita bersyukur kerana berjaya mengadakan sesi perbincangan dengan pengurus pembangunan bandar The Mandalika, Indonesia Tourism Development Corporation (ITDC)

ABDUL RASHID
EXCO Kebudayaan dan Pelancongan

dikembangkan," katanya kepada SelangorKini.

Beliau berkata, pembangunan 4,000 hektar tanah perancangan dengan panjang pantai 60 kilometer mampu memberikan keyakinan kerana ITDC adalah syarikat bertanggungjawab



membangunkan Nusa 2, Bali, Indonesia.

"Selangor negeri termaju dengan sumbangan Keluar Dalam Negara Kasar (KDNK) sebanyak 23 peratus kepada negara.

"Sudah tentu kita mempunyai syarikat pembangunan bertaraf

antarabangsa yang berupaya bersama-sama membantu syarikat di Mandalika untuk promosi dan pelaburan," katanya.

Dalam perkembangan sama, delegasi Kerajaan Selangor turut diraikan pada majlis makan

malam Hotel Villa Ombak, Gili melabur, di sini. Kita juga akan berpuasa menjadi tumpuan pelancong setiap kali ke Lombok. Delegasi turut berpeluang beramah mesra bersama Kabupatén Lombok Utara, Dr Najmul Akhyar.

Jelajah 360 Smart Selangor lebih meluas tahun depan

SHAH ALAM - Pembedanan Menteri Besar Selangor (MBI) akan meneruskan Jelajah 360 Smart Selangor pada tahun depan dengan penganjuran lebih meluas.

Ketua Pegawai Eksekutif MBI, Raja Shahreen Raja Othman berkata, ia ekoran kejayaan program itu yang dimulakan tahun ini dengan sambutan menggalakkan daripada rakyat.

"Kita akan meneruskan lagi program ini, pada tahun depan. Sekurang-kurangnya, empat atau lima lagi dengan keutamaan di kawasan luar bandar seperti Kuala Kubu Bharu, Sabak Bernam dan Kuala Selangor.

"Dengan cara ini, lebih banyak pihak terutama rakyat Selangor akan memperoleh manfaat berhubung agenda Kerajaan Negeri," katanya kepada media selepas Majlis Malam Penghargaan Jelajah 360 Smart Selangor, di sini, pada 18 Disember lalu.

Beliau berkata, penganjuran program itu mencatat kejayaan dengan semua pihak seperti agensi Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan sebagainya bergabung tenaga menjayakannya.

Katanya, dengan respon positif diterima, maka ia memudahkan MBI merancang program lebih baik



supaya agenda Kerajaan Negeri dapat disampaikan dengan lebih tepat dan terus kepada rakyat.

"Penganjuran program ini memberi gambaran bagi memudahkan kita menyampaikan segala maklumat diinginkan rakyat dan akan melakukannya, pada program akan datang," katanya.

MBI dengan kerjasama Universiti Selangor, Bahagian Teknologi Maklumat Selangor serta Per-

PNSB muncul GLC pertama salur sumbangan 2019

SHAH ALAM - Permodalan Negeri Selangor Berhad (PNSB) menjadi anak syarikat (GLC) Kerajaan Negeri pertama memberi komitmen menyalurkan sumbangan secara terus berjumlah RM6 juta untuk tahun kewangan 2019.

Ketua Pegawai Eksekutif PNSB, Dato' Seri Ahmad Omar berkata, sumbangan itu bagi merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri yang menasaskan kutipan RM50 juta daripada semua GLC di bawahnya.

"Demi pembangunan negeri, PNSB bersetuju melakukan pembayaran sumbangan secara terus kepada Kerajaan Negeri.

"Dengan sumbangan RM6 juta ini, PNSB menyumbang 12 peratus daripada jumlah keseluruhan yang disasarkan Kerajaan Negeri untuk tahun hadapan," katanya selepas menghadiri Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PNSB, pada 13 Disember lalu.

Katanya, sumbangan PNSB itu juga adalah sebahagian daripada tanggungjawab sosial korporat PNSB dan ia akan disalurkan Kerajaan Negeri kepada pihak yang memerlukan.

Terdahulu, Mesyuarat Ahli Lembaga Pengarah PNSB dipengerusikan Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari, yang juga



Demi pembangunan negeri, PNSB bersetuju melakukan sumbangan secara terus kepada Kerajaan Negeri.

DATO' SERI AHMAD OMAR
Ketua Pegawai Eksekutif PNSB

Pengerusi Lembaga Pengarah PNSB.

Mesyuarat turut dihadiri Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Nor Azmie Diron yang juga ahli lembaga pengarah PNSB dan ahli lembaga pengarah yang lain.



Bakal terajui 'Waste-To-Energy' terbesar Malaysia

Worldwide Holdings bangun loji RM500 juta

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Worldwide Holdings Berhad menerajui projek 'Waste-To Energy' (WTE) yang moden dan terbesar di Malaysia apabila loji bernilai RM500 juta itu bakal dibangunkan di pusat pelupusan sampah sedia ada, di Jeram.

Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulannya, Datin Paduka Norazlina Zakaria berkata, WTE akan menjadi sebahagian daripada Pusat Pengurusan Sisa Pepejal Bersepadu atau 'Integrated Solid Waste Management Center' (ISWMC) sebagai satu kaedah pengurusan sisa yang holistik untuk rawatan sisa pepejal.

Katanya, ia adalah teknologi pengurusan sisa yang boleh mengubahkan sisa menjadi tenaga dalam bentuk kuasa elektrik selain terbukti menggantikan kaedah pelupusan sampah konvensional menggunakan tanah yang luas.

"Janakusa WTE dibangunkan kami boleh menangani semua aspek isu alam sekitar melalui teknik rawatan moden dan berteknologi tinggi dalam me-

matuhi piawai Kesatuan Eropah (EU), malahan teknologi diguna pakai mempunyai rekod prestasi cemerlang menggunakan ciri sisa pepejal yang sama, di Malaysia.

"Sisa pepejal digunakan sebagai bahan bakar untuk memanaskan relau bagi menjana stim yang membolehkan turbin menghasilkan tenaga elektrik," katanya.

Beliau berkata demikian dalam ucapan sempena Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Bersama Worldwide Holdings Berhad - Western Power Clean Energy Sdn Bhd serta Pelancaran Sistem Aplikasi E-World, di Hotel Concorde, pada 10 Disember lalu.

Perjanjian itu ditandatangani Pengerusi Worldwide Holdings Berhad merangkap Pegawai Kewangan Negeri, Dato' Nor Azmie Diron; Pengarah Urusan dan Naib Presiden China Western Power Engineering and Construction Co Ltd, Wu Bin; Pengarah Eksekutif China Western Power International Pte Ltd, Jiang Shuhong sambil disaksikan Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari.



Amirudin (tengah) menghadiri Majlis Menandatangani Perjanjian Pembangunan Bersama Worldwide Holdings Berhad - Western Power Clean Energy Sdn Bhd, di Hotel Concorde

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Mohd Amin Ahmad Ahyia; Ahli Lembaga Pengarah Worldwide Holdings merangkap beberapa pimpinan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri. Pada masa sama, Norazlina berkata, fasa pertama loji WTE itu dijangka siap bagi operasi komersial menjelang 2022,

manakala fasa kedua disasarkan siap, menjelang 2024.

Katanya, dengan kapasiti sampah 1,000 tan metrik sehari, fasa pertama kemudahan itu berupaya menghasilkan antara 20-25 MW tenaga hijau, sekali gus cukup menguasai 25,000 isi rumah, di sekitar kawasan berkenaan.

"Ia dijangka mengurangkan

penggunaan tanah untuk tapak pelupusan, di samping menyokong aspirasi kerajaan bagi meningkatkan penjanaan 'renewable energy' hingga 20 peratus, menjelang 2025.

"Kami juga mempunyai rancangan membuka kemudahan serupa di beberapa kawasan lain, di Selangor," katanya.

'Sanitary Landfill' kurang relevan lestari alam sekitar

SHAH ALAM - Kaedah pelupusan sisa pepejal menggunakan teknologi sanitari ('Sanitary Landfill') bukan lagi sistem yang boleh menyelesaikan masalah pelupusan sisa sampah, di Selangor.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, ia bukan sahaja memberi kesan kepada alam sekitar, malahan berkait isu kekurangan tanah sebagai tapak pelupusan serta kos pengawasan.

"Kaedah pelupusan sisa pepejal yang diamalkan sekarang sudah tidak lestari dan relevan untuk diturunkan, pada masa akan datang.

"Selain itu, penyelenggaraan tapak pelupusan mengambil tempoh lama, selepas ia ditutup," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Menandatangani Perjanjian

Pembangunan Bersama (Joint Development Agreement) antara Worldwide Holdings Berhad dan Western Power Clean Energy Sdn Bhd serta Pelancaran Sistem Aplikasi E-World, di Hotel Concorde, pada 10 Disember lalu.

Selaras dengan strategi keempatan Belanjawan Selangor 2019 untuk melestarikan alam sekitar, Amirudin berkata, Kerajaan Ne-

geri beralih daripada cara konvensional dalam melupuskan sisa pepejal kepada sistem pengurusan pelupusan menggunakan teknologi tinggi.

Katanya, ia ekoran peningkatan keperluan kepada tapak pelupusan untuk melupuskan sampah termasuk pertambahan penduduk dan aktiviti masyarakat.

"Gaya hidup generasi baharu

sangat terdedah kepada penggunaan sisa pepejal seperti plastik, logam, sisa bahan makanan, bahan binaan dan landskap.

"Kita terus meneroka kaedah atau teknologi tinggi yang memberi kesan positif dalam memastikan isu sisa pepejal di Selangor dapat diselesaikan dengan kaedah kerjasama pihak swasta secara 'Public Private Partnership'," katanya.

E-World 2 mudah proses dokumentasi sisa pepejal semua PBT

SHAH ALAM - Sistem aplikasi E-World 2 yang dibangunkan Worldwide Holdings Berhad (Worldwide Holdings) berupaya memudahkan urusan rekod, rujukan dan dokumentasi pe-ngurusan sisa pepejal yang dilupuskan di bawah seliaan anak syarikat Kerajaan Negeri itu.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, ia akan diselaraskan dan digunakan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) seluruh Selangor dan kontraktor dalam urusan pendaftaran.

Katanya, melalui sistem itu, semua urusan pendaftaran dapat

dikendalikan dengan lebih berkesan, sekali gus mengurangkan penggunaan kertas dan pengisian borang.

"Pada masa sama, ia juga akan meningkatkan kelancaran sistem 'billing' dan pemantauan 'tracking' yang boleh digunakan untuk meningkatkan perkhidmatan di peringkat PBT dan kontraktor.

"Saya bangga dengan usaha Worldwide Holdings dalam mewujudkan sistem pendaftaran secara dalam talian yang memudahkan urusan pendaftaran dan pemantauan yang perlu dibuat oleh PBT

dan kontraktor," katanya.

Amirudin berkata, pengenalan sistem terbabit juga seiring dengan matlamat Kerajaan Negeri ke arah merealisasikan agenda Smart Selangor yang memberi fokus kepada empat bahagian iaitu 'Smart Governance', 'Smart Transport and Mobility' dan 'Smart Waste Management'.

"Malah, ia mengesahkan komitmen dan sokongan Worldwide dalam usaha meningkatkan dan membuat penambahbaikan setiap urusan dengan semua pihak terbabit," katanya.



Sambutan rumah terbuka refleksi keharmonian negeri

KAJANG - Kemesraan pelbagai kaum, bangsa dan keturunan yang ditonjolkan dalam sesuatu majlis sambutan rumah terbuka adalah refleksi keharmonian negeri.

EXCO Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Sains, Teknologi dan Inovasi, Hee Loy Sian berkata, tradisi amalan kunjung-mengunjung adalah amalan murni bagi mengeratkan hubungan dan memantapkan perpaduan rakyat, sekali gus mendekatkan pemimpin ke akar umbi.

"Sambutan rumah terbuka seperti Krismas ini sinonim apabila semua ahli keluarga jiran atau sahabat berkumpul mengunjung serta mengeratkan hubungan dan membuka lembaran baru.

"Ini adalah landasan kita mengetengahkan perayaan yang melambangkan identiti selain dapat menarik minat pelan-

cong melalui kepelbagaian arah berkonsepkan pelancongan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Rumah Terbuka Krismas peringkat negeri, di Padang Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), pada 15 Disember lalu.

Pada masa sama, Loy Sian berkata, lebih 5,000 rakyat pelbagai bangsa dan agama hadir ke sambutan berkenaan.

"Saya berharap ia dapat diteruskan pada masa akan datang bagi semua perayaan seperti Aidilfitri, Deepavali, Tahun Baru Cina dan Krismas. Ini dapat membuka ruang luas, saling menghormati, menyayangi sesama rakyat.

"Saya percaya sambutan ini adalah simbolik kegembiraan keluarga dan dapat berkongsi dengan golongan kurang berkemampuan," katanya.

Cipta pendapatan baharu rancak ekonomi

KAJANG - Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan usaha untuk mencipta aliran pendapatan baharu dan memastikan dasar dilaksanakan bagi merancakkan ekonomi negeri.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, keseimbangan di antara pertumbuhan ekonomi negeri yang sihat dan keprihatinan memangkin rakyat kurang bernasib baik sentiasa menjadi agendanya.

Katanya, Kerajaan Negeri turut merangka dan melaksanakan pelbagai program kebajikan yang akan dinikmati seluruh rakyat.

"Ketika membentangkan belanjawan tempoh hari, saya menekankan tanggungjawab Kerajaan Negeri memastikan tian-

da sesiapa juga dipinggirkan. Kita mahu sekali rakyat untuk maju bersama.

"Kerajaan Negeri amat komited untuk sentiasa memastikan kemajuan ekonomi, kestabilan politik, dan kemakmuran sosial dinikmati rakyat Selangor ketika ini akan terus kita pelihara," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Krismas peringkat negeri, di Padang Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), pada 15 Disember lalu.

Amirudin berkata, Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum, etnik dan agama dalam melaksanakan pelbagai program pembangunan serta masyarakat.

Hormat menghormati dan harga kepelbagaian

Kunci kemajuan sosioekonomi



OLEH NORHAYATI UMOR

KAJANG - Sikap saling menghormati dan menghargai kepelbagaian kaum perlu dikekalkan sebagai satu keunikan kerana ia adalah kunci kepada kemajuan sosioekonomi negara.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, hal itu sekali gus menolak sebarang pengaruh negatif pihak tertentu yang mahu melihat rakyat pelbagai kaum saling prejudis dan bertelingkah antara satu sama lain.

Katanya, keamanan dan perpaduan tidak akan tercapai jika kita tidak kenal atau curiga antara satu sama lain.

"Oleh itu, kita harus bersama-sama memupuk semangat kekin-taan, semangat perpaduan dan keamanan di antara rakyat negeri ini. "Saya merasa gembira melihat rakyat Selangor yang berbilang

bangsa bersama-sama merayakan sambutan Krismas, malam ini.

"Inilah kekuatan dan kehebatan Negeri Selangor sebagai sebuah negeri kosmopolitan yang menolak segala anasir chauvinisme kaum juga agama," katanya.

Beliau berkata demikian pada Majlis Sambutan Krismas peringkat negeri, di Padang Awam Majlis Perbandaran Kajang (MPKJ), pada 15 Disember lalu.

Pada masa sama, Amirudin berkata, semua rakyat di negeri itu perlu mempunyai tanggungjawab memastikan perpaduan dibina selama ini berkekalan.

"Di era Malaysia Baharu ini, saya menganjurkan kita berusaha untuk menghayati konsep ke-nal mengenal 'Li Taarafu' antara satu sama lain yang sebut dalam al-Quran.

"Ajakan untuk kita kenal-me-

ngenal di antara satu sama lain dan untuk tetap kekal hidup aman damai juga dikongsi Pope Francis ketika beliau menyampaikan mesej Krismas 2016," katanya.

Sementara itu, beliau turut menyifatkan sambutan majlis rumah terbuka yang saban tahun diadakan di Selangor sama ada bagi merayakan perayaan Aidilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Krismas menjadi budaya bagi rakyat Malaysia.

Katanya, konsep majlis itu yang unik dan penuh warna-warni memang sudah tidak asing lagi bagi segenap lapisan masyarakat di negara kita.

"Kegembiraan melalui perayaan ini membolehkan rakyat daripada kaum lain merasai kegembiraan tradisi pelbagai perayaan lain yang disambut, di negara ini," katanya.

17,000 penjawat awam terima bantuan khas kewangan 20 Disember

SHAH ALAM - Seramai 17,000 penjawat awam Selangor menikmati bantuan khas kewangan satu bulan gaji, pada 20 Disember lalu.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, pemberian itu membabitkan implikasi kewangan sebanyak RM34.53 juta kepada Kerajaan Selangor.

"Saya bersyukur kerana dibantu oleh sebuah pasukan penjawat awam yang komited dan cemerlang dalam menu-

naikan tanggungjawab men-tadbir negeri.

"Maka dalam usaha merangsang lagi prestasi mereka, satu pembayaran bantuan khas kewangan tambahan sebanyak satu bulan gaji akan dibayar, pada 20 Disember," katanya dalam kenyataan.

Beliau berkata, keazaman dan kecekapan semua penjawat awam di negeri itu menjadi inspirasi kepada dirinya untuk berusaha lebih kuat demi

rakyat Selangor.

"Semoga insentif ini dapat memotivasi penjawat awam supaya lebih tekun dan cekat untuk berusaha memantapkan jentera pentadbiran Kerajaan Negeri dalam memberi khidmat kepada rakyat," katanya.

Amirudin sebelum ini mengumumkan pemberian insentif khas kewangan itu ketika pembentangan Belanjawan Selangor 2019, pada 23 November lalu.

SELANGOR SIDANG PENGARANG

PENASIHAT: Lembaga Editorial CCSB
PENGARANG : Nurul Farina Nazlan

PENOLONG PENGARANG Mohd Ezli Mashut, Naeem Raffi, Afeega Afeera
WARTAWAN:

Hafizan Taib : hafizantail@mediaselangor.com,
Nazli Ibrahim : nazli@mediaselangor.com,
Afiz Redzuan : syafiq@mediaselangor.com,
Norhayati Umor : hayati@mediaselangor.com,
Sheeda Fathil : sheeda@mediaselangor.com
Nadiyah Zamli : sitinadiyah@mediaselangor.com
Zareef Muzammil : zareefmuzammil@mediaselangor.com

JABATAN PEMASARAN & PENGIKLANAN:

Nadhrh Azlan : nadhrh@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 109)
Shafiq Hamsi : shafiqhamsi@mediaselangor.com | 03-5523 4856 (ext 107)

JURUGAMBAR: Asri Sapfie, Raheemie Arifin, Hafiz Othman & Fikri Yusof
GRAFIK & REKA LETAK: Unit Grafik CCSB

Aras 2, Carlton Holiday Hotel & Suites, No 1, Persiaran, Akuatik 13/43,
Seksyen 13, 40100, Shah Alam, Selangor
Tel : 03-5523 4856 Faks : 03-5523 5856 Emel: info@mediaselangor.com



Realisasikan agenda Smart Selangor

'Selangor The Regional Power House' diperkenalkan 2019



Forum 'Selangor Synergies' bincang cadangan perkaasa kaedah terkini jayakan Smart Selangor

OLEH NORHAYATI UMOR

KUALA LUMPUR - Forum 'Selangor Synergies' terus diperkasa menerusi pendekatan terbaharu, 'Selangor The Regional Power House' yang bakal diperkenalkan, tahun hadapan.

Ketua Pegawai Eksekutif Pembedaan Menteri Besar (MBI), Raja Shahreen Raja Othman berkata, menerusinya MBI akan menjemput pemain industri, komuniti perniagaan selain Kerajaan Negeri untuk terus membincangkan kaedah terbaik merealisasikan agenda Smart Selangor, menjelang 2025.

Katanya, ia lanjutan daripada lima siri 'Selangor Synergies' yang mendapat maklum balas positif semua pihak.

"Ia adalah program yang baik kerana berjaya merapatkan Kerajaan Negeri, pemain industri dan komuniti perniagaan.

"Kita berjaya mendengar

keluhan atau cadangan pihak swasta yang mahukan kerjasama de-ngan kerajaan," katanya ketika ditemui di Forum 'Selangor Synergies', di Hotel Saujana, pada 13 Disember lalu.

Menerusi forum yang bertemakan 'Connecting The Dots', Raja Shahreen berkata, ia membincangkan cadangan mewujudkan 'Smart Digital Infrastructure', 'Internet of Things' dan 'Smart Transport'.

"Banyak isu dibincangkan antaranya kerjasama semua agensi dalam mencari cadangan dan menyelesaikan masalah secara bersama.

"Bagi MBI, kita mempunyai lima siri inisiatif strategik antaranya program rumah mampu milik, 'Selangor Maritime Gateway' yang berteraskan Sungai Klang supaya pembangunan Bandar Klang yang dikatakan 'sleeping town' dapat dibangunkan," katanya.

Smart Selangor tumpu ekonomi dan sosial

KUALA LUMPUR - Pelaksanaan agenda Smart Selangor bukan inisiatif negeri pintar semata, tetapi merupakan Pelan Tindakan Ekonomi dan Sosial kepada rakyat Selangor khususnya.

Penasihat Dasar Ekonomi dan Korporat kepada Dato' Menteri Besar, Dr Mohd Zulkifli Zakaria berkata, secara dasarnya, sinergi dan hubungan antara rakyat, negeri, industri dan teknologi membentuk agenda berkenaan.

Katanya, persekitaran perniagaan yang lancar menggalakkan pertumbuhan lebih tinggi dan perkongsian idea berhubung teknologi, inovasi serta perniagaan menawarkan penyelesaian lebih cekap kepada keperluan negara

"Sepanjang tahun lalu, Kerajaan Negeri dan Pembedaan Menteri Besar (MBI) berjaya membina budaya perkongsian pengetahuan dan kini, manfaat pula turut dikongsi.

"Justeru, komuniti perniagaan, kerajaan sama ada di peringkat negeri atau pusat perlu berganding bahu menggalakkan inovasi diterokai, sekali gus memastikan Selangor terus membangunkan model yang lebih mampan," katanya.

Beliau berkata demikian pada Forum 'Selangor Synergies' di Hotel Saujana, di sini, pada 13 Disember lalu.

Mohd Zulkifli berkata, dalam pembentangan Belanjawan Negeri baru-baru ini, Kerajaan Negeri melalui agensinya akan memacu pelaksanaan strategi pembangunan baharu menerusi beberapa kluster.

Katanya, ia bagi memastikan masa hadapan Selangor terus makmur dari segi ekonomi, kesejahteraan sosial dan persekitaran.

"Saya juga berharap lebih ramai pakar dan pemain industri boleh bergabung dengan rangkaian ini supaya isu boleh dikenalpasti serta mencari penyelesaian," katanya.

Pada program itu, forum 'Selangor Synergies' kali kelima itu menampilkan panelis antaranya Pengarah Urusan Central Spectrum, Dato' Mahmud Abbas dan Ketua Pegawai Eksekutif Northport, Dato' Azman Shah Mohd Yusof.

Selain itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan Prolintas, Dato' Mohamad Azlan Abdullah dan Ketua Pegawai Eksekutif, Mutiara Teknologi, Puteri Mariana Abdul Majid.

SKB usaha PKNS perkaasa kontraktor Bumiputera



Rodziah menyampaikan sijil pentauliahian kepada kontraktor Bumiputera sambil disaksikan Siti Zubaidah

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) menubuhkan Sub Kontraktor Bumiputera (SKB) bagi membantu kontraktor Bumiputera menambah pengalaman dan meningkatkan kualiti dalam bidang pembinaan.

Ketua Pegawai Korporatnya, Siti Zubaidah Abd Jabar berkata, program itu adalah usaha PKNS dalam melahirkan sub-kontraktor Bumiputera bagi melaksanakan projek pembinaan dalam bidang kerja awam, elektrik atau 'landskap'.

"Inisiatif ini diambil bertujuan memberi pengiktirafan kepada mereka yang akan memberi sum-

bang dan berjasa kepada industri pembinaan, sekali gus meningkatkan keyakinan masyarakat terhadap perkhidmatan kontraktor Bumiputera.

"Sejak program ini diperkenalkan pada 2003, sebanyak 46 syarikat dilantik dengan nilai tarikan kerja sebanyak RM109 juta dalam pelbagai bidang kerja iaitu sivil, elektrik dan 'landskap'," katanya dalam majlis penyampaian pentauliahian SKB, pada 13 Disember lalu.

EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rod-

ziah Ismail menyampaikan pentauliahian itu kepada sembilan syarikat kontraktor Gred CIDB G1 hingga G5, dalam majlis berkenaan.

Siti Zubaidah berkata, banyak manfaat diperolehi apabila kontraktor mengikuti program SKB antaranya syarikat berpeluang menyertai sebut harga projek PKNS yang tidak disertai kontraktor luar.

"Saya berharap wujudnya program SKB, menjadikan PKNS sebagai salah satu landasan berstruktur untuk meningkatkan kualiti dan kemahiran yang tinggi dalam kerja kontrak," katanya.



GROW lahir usahawan siswazah berjaya

SHAH ALAM - Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) optimis Program Usahawan Siswazah (GROW) mampu membangunkan siswazah dengan ilmu keusahawanan dan berpotensi sebagai usahawan berjaya.

Ketua Pegawai Korporatnya, Siti Zubaidah Abd Jabar berkata, program itu bertujuan membimbing siswazah daripada pelbagai aspek dalam keusahawanan.

"GROW dilaksana untuk membangunkan siswazah berpotensi menjadi usahawan dan mereka akan dibimbing daripada segi perancangan perniagaan, mengurus kewangan, kaedah pemasaran serta pemantauan sasaran jualan secara mingguan, sehingga tamat program.

"PKNS komited menerapkan budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda yang berpengetahuan, dalam asas perniagaan," katanya ketika berucap pada Majlis Graduasi GROW, pada 13 Disember lalu.

EXCO Pembangunan Usahawan, Pembangunan Luar Bandar, Desa dan Kampung Tradisi, Rodziah Ismail menyampaikan sijil kepada 27 peserta GROW yang menamatkan kursus, dari April hingga September lalu.

Siti Zubaidah berkata, mereka juga terdiri dalam kalangan 303 peserta lain yang turut menyertai GROW atau sebelum ini dikenali Program Pembangunan Usahawan Siswazah (PHASER) PKNS sejak mula diperkenalkan, pada 2006.

Katanya, lebih membanggakan apabila jumlah jualan berjaya diraih semua peserta GROW 2018 sejak April hingga September lalu adalah sebanyak RM1.81 juta manakala rekod jualan keseluruhan peserta sejak 2006 adalah RM19 juta.

"Syabas dan tahniah di atas

GROW dilaksana untuk membangunkan siswazah berpotensi menjadi usahawan di mana mereka akan dibimbing daripada segi perancangan perniagaan, mengurus kewangan, kaedah pemasaran dan pemantauan sasaran jualan secara mingguan, sehingga tamat program

SITI ZUBAIDAH
Ketua Pegawai Korporat Program Usahawan Siswazah (GROW)

kerja keras setiap peserta sehingga berjaya berada pada tahap ini dan semoga ia terus meningkat, pada masa akan datang. "Saya berharap program ini mampu mengekalkan pembentukan diri positif dalam kalangan peserta untuk mengemudi perniagaan masing-masing," katanya.

Beliau berkata, PKNS berharap peserta meneruskan kerjaya sebagai usahawan berbekalkan ilmu ditimba sepanjang menyertai program berkenaan.

"Tidak mustahil, hasil pendapatan keseluruhan peserta GROW mungkin menjadi pendapatan syarikat dalam masa hanya satu tahun jika berani membuat inovasi, sentiasa mencari ruang penambahbaikan dan berusaha luar daripada kebiasaan," katanya.

Ke arah negara berpendapatan tinggi

Malaysia di kedudukan baik

KUALA LUMPUR - Malaysia berkedudukan baik dalam usahanya memulakan era baharu ke arah mencapai status negara maju dan berpendapatan tinggi pada tahun akan datang, menurut Bank Dunia.

Naib Presiden bagi Asia Timur dan Pasifik, Victoria Kwakwa berkata, ekonomi Malaysia adalah sangat pelbagai dan memiliki asas kukuh yang bersedia membawa negara ke peringkat seterusnya.

"Kami mengalu-alukan usaha kerajaan sebagai sebahagian proses ini untuk memperkukuh institusi, membangunkan modal insan dan melindungi aspek yang mudah terjejas dalam masyarakat.

"World Bank Group bersedia menyokong Malaysia semasa proses peralihan penting ini," katanya.



Kwakwa baru sahaja mengakhiri lawatan rasmi empat hari ke Malaysia pada 10 Disember lalu dan dalam tempoh itu beliau bertemu Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad; Menteri Kewangan, Lim Guan Eng dan Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Nor Shamsiah Mohd Yunus.

Pegawai kanan Bank Dunia dan deligasinya turut mengadap

Timbalan Yang di-Pertuan Agong, Sultan Nazrin Muizzuddin Shah bagi bertukar pandangan dan idea berhubung aliran pembangunan di Malaysia dan rantau ini.

Aliran itu termasuk peningkatan kepentingan ekonomi digital dan pembangunan kemahiran untuk daya saing masa depan di semua negara, di rantau ini.

AirAsia raih dua anugerah Kelab Billion Ringgit The Edge 2018

KUALA LUMPUR - AirAsia meraih dua anugerah berprestij di Kelab Billion Ringgit The Edge 2018 susulan pertumbuhan keuntungannya yang kukuh, sejak tiga tahun lalu.

Dalam satu kenyataan, syarikat penerbangan tambang murah itu berkata, anugerah terbabit adalah untuk Pertumbuhan Keuntungan Tertinggi Selepas Cukai Lebih Tiga Tahun untuk Syarikat Modal Besar RM10 Bilion Hingga RM40 Bilion Permodalan Pasaran serta Pertumbuhan Ter-

tinggi Keuntungan Selepas Cukai Selama Tiga Tahun untuk Produk dan Perkhidmatan Pengguna.

Pengerusi Eksekutif Kumpulan AirAsia, Datuk Kamarudin Meranun berkata, pengiktirafan itu mencerminkan komitmen AirAsia untuk membina perniagaan yang kukuh dan menguntungkan dan memberikan nilai terbaik kepada pemegang saham.

"Kami meneruskan perjalanan kami dalam kecemerlangan apabila kami berubah menjadi sebuah syarikat teknologi per-

jalanan yang akan melihat AirAsia berkembang melepasi perjalanannya kepada perjalanan dan gaya hidup penuh dengan tulang belakang digital yang membolehkan kami mewujudkan pengalaman mudah alih, lancar dan lebih khusus," tambahnya.

Kelab Billion Ringgit The Edge, yang dianjurkan The Edge Media Group dimulakan pada 2010 untuk mengiktiraf syarikat tersenarai berprestasi tinggi di Malaysia dengan satu kesan permodalan pasaran lebih RM1 bilion.

Bank Dunia semak semula KDNK 2019

KUALA LUMPUR - Bank Dunia menyemak semula unjuran Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Malaysia daripada 0.2 mata peratus kepada 4.7 peratus pada tahun ini.

Ia selepas mengambil kira perbelanjaan kerajaan baharu serta pelan pelaburan dan faktor luaran lain.

Sebelum ini pada Oktober lalu, bank itu menyemak semula pertumbuhan ekonomi negara kepada 4.9 peratus daripada 5.4 peratus yang dijangkakan lebih awal.

Pakar Ekonomi Negara, Shahrir Shariffuddin berkata, per-

belanjaan dan pelaburan kerajaan di bawah Belanjawan 2019 adalah rendah disebabkan pelan rasionalisasi yang ketat serta aktiviti pelaburan keseluruhan yang mula meningkat selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Dua perkembangan utama ini telah diambil kira dalam unjuran pertumbuhan ekonomi negara," katanya sambil menambah bahawa pelaburan negara menjadi perlahan dalam separuh pertama 2018 sebelum PRU14, pada 9 Mei lalu.

Beliau berkata demikian dalam sidang media sempena Pelan-

caran Laporan "Monitor Ekonomi Malaysia : Menyedari Keupayaan Insan" edisi ke-19 di Bank Negara, pada 18 Disember lalu.

Beliau juga menjelaskan bahawa faktor luaran termasuk kemungkinan kegawatan ekonomi di Amerika Syarikat (AS) pada tahun depan mungkin mempunyai satu kesan limpahan ke atas ekonomi Malaysia.

"Kami sudah pun memasukkan kemungkinan kegawatan ekonomi di Amerika Syarikat, dan ini juga, boleh diterjemahkan kepada pertumbuhan unjuran bagi Malaysia," katanya.



Setimpal risiko anggota jalani tugas

KPKT cadang naikkan elaun kritikal bomba

JOHOR BAHRU - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mencadangkan elaun kritikal anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) dinaikkan supaya lebih setimpal dengan cabaran dan risiko anggota, dalam menjalankan tugas.

Menterinya, Zuraida Kamarudin berkata, pihaknya akan berbincang dengan Jabatan Perkhidmatan Awam berkenaan kaedah pemberian elaun kritikal anggota JBPM.

"Sudah tiba masanya kita pertimbang menaikannya (elaun kritikal) kerana kerja bomba ini berbahaya, malahan kerja bukan dalam skop tugas juga mereka

buat," katanya.

Pada Julai lalu, Zuraida berkata, KPKT memperuntukkan RM35 juta bagi pemberian elaun kritikal kepada anggota JBPM yang memberi manfaat kepada kira-kira 13,000 anggota JBPM, di seluruh negara.

Zuraida berkata, setiap anggota bomba dijangka menerima RM250 seorang bagi elaun kritikal, setiap bulan.

Pada Oktober lalu, enam anggota bomba dan penyelamat meninggal dunia ketika operasi menyelamatkan mangsa lemas, di lombong Taman Putra Perdana.

Manakala, pada 17 Disember

lalu, seorang lagi anggota bomba maut dipercayai diserang sekumpulan perusuh dalam satu rusuhan, di sekitar Kuil Seafield Sri Maha Mariamman, Subang Jaya.

Sementara itu, Zuraida berkata, bomba masih kekurangan sekitar 3,000 anggota, di seluruh negara.

Justeru, KPKT mempelawa masyarakat terutama golongan muda untuk menyertai pasukan itu, sekali gus dapat menabur bakti kepada masyarakat.

"Kita minta rakyat terutama orang muda sertai bomba. Ini kerana ia satu kerjaya yang amat murni dan dapat membina disiplin diri," katanya.

Semua bangunan kerajaan perlu miliki sijil FC

JOHOR BAHRU - Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) mewajibkan semua bangunan kerajaan mempunyai Sijil Perakuan Bomba (FC), mulai tahun hadapan.

Menterinya, Zuraida Kamarudin berkata, pelaksanaan itu dibuat ekoran beberapa bangunan kerajaan yang didapati tidak mempunyai sijil berkenaan.

"Jabatan Bomba dan Penyelamat (JPBM) sudah pergi buat pemeriksaan bangunan kerajaan terbabit.

"Mereka juga diberi tempoh masa untuk membuat persediaan bagi mendapatkan Sijil FC," katanya.

Terdahulu, media melaporkan sekurang-kurangnya 27 pre-



mis di Pulau Pinang termasuk sebuah hospital di Georgetown dan Kompleks Tun Abdul Razak (Komtar) didapati tidak mempunyai Sijil FC.

Zuraida berkata, kertas kerja berhubung penguatkuasaan itu juga sudah disiapkan dan akan dibentangkan ke Kabinet secepat mungkin.

Pembayar cukai bermasalah perlu rebut tawaran PKPS

KUALA LUMPUR - Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) meminta pembayar cukai yang mempunyai masalah percukaian untuk tampil ke hadapan bagi merebut tawaran Program Khas Pematuhan Sukarela (PKPS) yang kini dalam fasa pelaksanaan dan promosi.

LHDN memaklumkan pengakuan sukarela itu boleh dibuat di mana-mana pejabat LHDN seluruh negara bermula 3 November hingga 30 Jun tahun depan.

"Melalui tawaran ini, pembayar cukai dikenakan penalti lebih rendah antara 10 dan 15 peratus daripada amaun cukai perlu dibayar berbanding kadar penalti lebih tinggi (80 hingga 300 peratus) selepas pengakuan sukarela tamat," kata kenyataan itu.

Kenyataan itu menyebut program berkenaan adalah peluang kepada pembayar cukai menyelesaikan isu ketidakpatuhan cukai pelaporan cukai pendapatan.

LHDN juga akan menerima se-

PERTANYAAN LANJUT

- Portal rasmi LHDN
www.hasil.gov.my

- Hasil Careline
1-800-88-5436 atau 603-7713 6666 (Luar Negara)

- e-mel
pengakuan sukarela@hasil.gov.my

Mendapan tanah tak jejas projek Pan Borneo



KUALA LUMPUR - Insiden mendapan tanah di sebahagian jajaran projek Lebuhraya Pan Borneo yang dalam pembinaan baru-baru ini tidak menjejaskan projek.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd Anuar Mohd Tahir berkata, Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak proaktif menangani perkara itu dalam memastikan masalah sama tidak berulang dan mengganggu kelancaran projek yang dijangka siap, menjelang 2020.

"JKR Sarawak sudah buat pemeriksaan dan biasanya jika

berlaku kes seumpama itu jabatan akan jalankan siasatan serta menanganinya supaya tidak berulang.

"Kejadian ini tidak melambatkan proses pembinaan projek kerana seperti projek lain bagi kes sebegini kita akan atasinya segera," katanya.

Terdahulu, sebahagian laluan di Kilometer 48 Jalan Bintulu-Tatau mengalami kerosakan teruk selain menjejaskan aliran trafik di kawasan berkenaan dalam kejadian kira-kira jam 4.45 petang, pada 10 Disember lalu.

Akta khusus bakal digubal

Lindungi warga emas



KUALA LUMPUR - Satu akta khusus untuk warga emas akan digubal dalam waktu terdekat bagi melindungi kebajikan dan hak asasi golongan itu.

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, perkara itu dicapai dalam mesyuarat Majlis Penasihat dan Perundingan Warga Emas Negara (MPPWEN) yang dipengerusikannya, pada 14 Disember lalu.

Dr Wan Azizah yang juga Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata, akta itu juga antara lain bagi mewujudkan sistem sokongan yang diperlukan warga emas.

"Menyadari Malaysia menjadi negara tua menjelang 2030 dengan 15 peratus daripada penduduk bakal terdiri daripada golongan ini (warga emas), maka Kementerian akan menggubal akta khusus untuk warga emas, dalam waktu terdekat," katanya dalam kenyataan.

Dr Wan Azizah berkata, Kementerian itu sedang merancang untuk mengada-

kan satu projek perintis untuk mewujudkan bandar raya mesra warga emas dengan kerjasama Program Pembangunan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNDP).

"Projek ini menggalakkan pembibitan penduduk dalam perancangan tempatan seterusnya mewujudkan persekitaran mesra warga emas," katanya.

Dr Wan Azizah berkata, kerajaan akan terus memperkasakan warga emas dalam komuniti melalui penubuhan 29 Pusat Aktiviti Warga Emas (PAWE) baharu.

"RM3 juta diperuntukkan pada 2018 di bawah Rancangan Malaysia Ke-11 (RMK-11) dengan setiap PAWE menerima bantuan RM80,000 bagi pembaikan bangunan dan pembelian peralatan serta RM33,333 bagi tujuan pengoperasian.

"Pada 2019, JKM akan memastikan mana-mana kawasan Parlimen yang masih belum mempunyai PAWE akan diberi keutamaan untuk pembinaan pusat itu," katanya.

Sudut bacaan semarakkan budaya membaca

KLUANG - Kementerian Pendidikan merancang mewujudkan sudut bacaan di tempat awam seperti di stesen minyak dan restoran makanan segera di negara ini bagi menyemarakkan budaya membaca, dalam kalangan masyarakat.

Menterinya, Dr Maszlee Malik berkata, perbincangan dengan pemilik stesen minyak dan rangkaian restoran makanan segera akan dilakukan, namun ia masih di peringkat perancangan lagi.

Katanya, ia juga sebagai usaha pihak Kementerian menyokong kempen menjadikan Malaysia Negara Membaca, menjelang 2030.

"Orang ramai akan dapat memanfaatkan hentian rehat mereka di stesen minyak dan restoran makan segera ini, maka pengguna turut boleh memanfaatkan masa terbabit dengan membaca jika

sudut bacaan ini diwujudkan.

"Apa yang penting kita hendak menggalak dan menyemarakkan budaya membaca ini.

"Mungkin buat permulaan ini, restoran makanan segera di bawah Johor Corporation (JCorp) di Simpang Renggam ini boleh mulakan dahulu," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan Program Jalanan Ukhuwah Sempena 50 Tahun Johor Corporation di Dewan Muafakat Majlis Daerah Simpang Renggam (MDSR) yang turut dihadiri Presiden dan Ketua Eksekutif Jcorp, Datuk Kamaruzzaman Abu Kassim.

Bentang hasil kajian kurang kadar dan mansuh tol Mei 2019

KUALA LUMPUR - Hasil kajian mekanisme pengurangan kadar dan pemansuhan tol lebuhraya di negara ini bakal dibentangkan kepada kabinet, pada Mei 2019.

Timbalan Menteri Kerja Raya, Mohd Anuar Mohd Tahir berkata, kajian mekanisme berkenaan dilaksanakan jururunding audit bebas bertauliah yang akan dilantik, pada Januari 2019.

Katanya, ia bagi membantu kerajaan mencari mekanisme secara jangka pendek, sederhana dan panjang.

"Jemaah menteri, pada 31 Oktober lalu bersetuju JKR diberi tempoh enam bulan untuk mengemukakan cadangan mekanisme terbaik untuk mencapai matlamat berkenaan.

"Lembaga Lebuhraya Malaysia sedang dalam proses melantik jururunding bagi menjalankan kajian hala tuju lebuhraya bertol, di Malaysia ini," katanya pada persidangan Dewan Negara,

pada 17 Disember lalu.

Mohd Anuar berkata, jururunding audit bebas bertauliah itu akan diberikan tugas besar dan perlu menjalankan kajian itu dengan penuh tanggungjawab bagi memenuhi hasrat kerajaan serta rakyat.

Beliau berkata, kementeriannya serius bagi menjalankan tanggungjawab mengkaji pengurangan kadar dan pemansuhan kadar tol dan sebab itulah Bengkel Hala Tuju Industri Lebuhraya Raya dianjurkan, pada September lalu.

Katanya, ia membabitkan Jabatan Peguam Negara, Kementerian Kewangan dan Unit Perancang Ekonomi (EPU).

Mohd Anuar berkata, walaupun kerajaan sentiasa berusaha mengurangkan kadar dan memansuhkan tol lebuhraya, ia hanya dapat dilaksanakan apabila kewangan kerajaan sudah stabil dan mengizinkan.



Jualan Pasir Tunai

Waktu Jualan: 8.00 Pagi - 5.00 Petang

Tempat: Tapak Operasi Kg. Makmur

Jualan Bermula: 15 Disember 2018

Harga Jualan RM 21.50

Hubungi:

Farid - 016-336 4142

Araa - 019-510 8426

Izan - 013-343 9104

www.semesta.com.my



Malaysia bantah hasrat Australia

Kekal Baitulmaqdis seperti sedia ada

BANGKOK - Baitulmaqdis harus kekal seperti sedia ada dan mana-mana negara tidak berhak memutuskan ia harus menjadi ibu negara Israel atau dibahagikan.

Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad berkata, tindakan Australia yang mahu membahagikan Baitulmaqdis kepada dua bahagian hanya akan meningkatkan kemarahan.

"Australia yang mahu membahagikan Baitulmaqdis Barat sebagai ibu negara Israel dan Baitulmaqdis Timur sebagai ibu kota Palestin. Semua ini hanya akan meningkatkan kemarahan," katanya selepas menerima ijazah doktor kehormatan kepimpinan sosial, perniagaan dan politik dari Universiti Rangsit, pada 16 Disember lalu.

Dr Mahathir berkata demikian sebagai menjawab soalan pewartu Reuters di Bangkok berhubung keputusan Australia mengiktiraf Baitulmaqdis Barat sebagai ibu negara Israel.

Bagaimanapun, negara itu tidak akan memindahkan kedutaannya ke sana sehingga perjanjian damai dicapai antara Palestin dan Israel.

Ketika menghadiri Sidang Kemuncak ASEAN di Singapura bulan lalu, Dr Mahathir menzahirkan kebimbangannya dengan rakan sejawatan dari Australia, Jim Morrison, terhadap hasrat negara itu mengiktiraf Baitulmaqdis sebagai ibu negara Israel.

"Kami perhatikan perkataan yang digunakan disusun dengan sangat teliti.

"Namun, pada pandangan kebanyakan negara Arab, semua ini bukan sesuatu yang mereka boleh terima," katanya.

Beliau berkata, Baitulmaqdis sentiasa berada di bawah Palestin dan mempersoalkan mengapa mereka mengambil usaha untuk membahagikan kota suci itu.

"Mereka tidak berhak. Ia bukan milik mereka," katanya.



Kosovo undi tubuh pasukan perunding dengan Serbia

PRISTINA - Parlimen Kosovo mengundi untuk menubuhkan pasukan rundingan berhubung pertelingkahan dengan Serbia ekoran ketegangan yang semakin memuncak antara dua jiran itu.

Dua negara di bawah Kesatuan Eropah (EU) itu mengadakan dialog yang disasarkan untuk menyelesaikan segala isu berbangkit pada 2013, namun tiada sebarang perkembangan positif dicatatkan.

Hubungan antara Belgrade dan Kosovo dilanda ketegangan sejak 2008 apabila Pristina dengan sokongan negara barat mengisytiharkan kemerdekaan, dari Serbia.

Presiden Kosovo, Hashim Thaci meraih perhatian pada Jun lalu apabila beliau mengumumkan akan mencari penyelesaian bersama Belgrade dengan menukar sempadan negaranya.

Pertelingkahan terbaru bagaimanapun tercurut apabila Parlimen Kosovo mengundi untuk meluluskan pembentukan 5,000 anggota tentera, hanya seminggu selepas Perdana Menteri Serbia berkata langkah seumpama itu boleh membawa kepada campur tangan ketenteraan daripada Bel-



grade.

Perancangan Thaci itu menjadi perhatian sebahagian besar ahli politik Kosovo, negara Balkan dan beberapa diplomat barat melihat ia sebagai cubaan menawan tiga kawasan perbandaran Serbia, kebanyakannya dihuni penduduk Albania.

Sebagai ganti, Serbia menguasai bahagian utara Kosovo, dihuni penduduk Serb yang enggan mengiktiraf kekuasaan kerajaan di Pristina.

Kosovo diiktiraf lebih 110 negara seluruh dunia termasuk Amerika Syarikat tetapi tidak oleh Russia, China atau Serbia.

Washington sebelum ini me-

laporkan akan menerima sebarang perjanjian jika mendapat persetujuan rakyat Serbia atau Albania tetapi pada masa sama menolak pertukaran sempadan kerana mendakwa ia menyokong penghapusan etnik iaitu antara faktor utama pertempuran di Balkan, pada tahun 1990an.

"Hari ini, kami memutuskan bahawa adalah mustahak untuk kita melindungi kedaulatan dan maruah dalam kerjasama dengan komuniti antarabangsa," kata speaker Parlimen Kosovo, Kadri Veseli, selepas resolusi berkenaan yang mendapat sokongan undang-undang, selama 30 hari.

Kerajaan India pening kepala tangani 'karenah' monyet

NEW DELHI - Selain parti politik pembangkang, kerajaan India turut berhadapan pencabar yang tidak kurang hebat iaitu monyet yang menjadi ancaman besar sekitar pejabat, di ibu kota negara itu.

'Macaque Rhesus' bermula merah mencetuskan kekecohan, mencuri makanan dan telefon dan menakutkan orang ramai, di sekitar New Delhi.

Ia menguasai kawasan sekitar Parlimen dari pejabat Perdana Menteri sehingga ke Kementerian Kewangan dan Pertahanan, menamatkan pekerja awam dan orang ramai.

"Ia selalu merampas makanan orang ramai ketika mereka berjalan kaki dan adakala mengoyak fail serta dokumen dengan memanjat melalui tingkat," kata kakitangan Kementerian Dalam Negeri India, Ragini Sharma.

Menjelang permulaan sesi Parlimen musim sejuk, penasihat Ahli Parlimen bulan lalu memperinci-

kan cara mengelakkan serangan haiwan itu.

Jangan usik atau bertentang mata dengan monyet, kata penasihat, dan jangan sesekali berada di tengah-tengah antara ibu monyet serta anaknya.

Pertumbuhan pesat bandar raya menyebabkan monyet kehilangan habitat, paling banyak di dunia selepas manusia, mendorong ia menceroboh habitat manusia untuk mencari makanan.

Ramai penduduk di India yang majoritinya beragama Hindu memuja dan memberi makan haiwan yang dianggap ada kaitan dengan Hanuman.

"Tradisi sosio-agama memberi makan mewujudkan kitaran ganas.

"Ia sudah biasa diberi makan dan hilang rasa takut. Ia mula mencari makanan tambahan dan jika tidak diberi, ia menjadi agresif," kata penyelidik ekologi, Asmita Sengupta.



Tanggungjawab besar rakyat

Semangat kekitaan dan perpaduan teras keharmonian



Kita mempunyai tanggungjawab yang besar untuk memastikan perpaduan yang dibina selama ini berkekalan. Era Malaysia Baru ini, saya menganjurkan supaya kita berusaha untuk kenal-mengenal, 'Li Taarafu' antara satu sama lain. Al-Quran menyebut "Wahai manusia, sungguh Kami telah menciptakan kamu dari seorang lelaki dan seorang perempuan, kemudian Kami jadikan kamu berbangsa-bangsa dan bersuku-suku agar kamu saling mengenal."

Anjuran untuk kita kenal-mengenal di antara satu sama lain dan untuk tetap kekal hidup aman damai juga dikongsi oleh Pope Francis ketika beliau menyampaikan mesej Krismas tahun 2016, "peace to men and women in the war-torn land of Syria, where far too

much blood has been spilled. Peace on earth to men and women of goodwill, who work quietly and patiently each day, in their families and in society, to build a more humane and just world."

Keamanan dan perpaduan tidak akan tercapai jika kita tidak kenal satu sama lain. Ia tidak akan tercapai jika kita curiga antara satu sama lain. Oleh kerana itu, kita harus bersama-sama memupuk semangat kekitaan, semangat perpaduan dan keamanan antara rakyat Selangor Darul Ehsan.

Ketika membentangkan belanjawan tempoh hari, saya menekankan tanggungjawab Kerajaan Negeri untuk memastikan tiada sesiapa dipinggirkan. Kita mahu sekalian rakyat untuk maju bersama.

Kerajaan Negeri sudah merangka serta akan melaksanakan pelbagai program kebajikan yang akan dinikmati seluruh rakyat negeri ini.

Sementara itu, Kerajaan Negeri akan mempertingkatkan usaha untuk mencipta aliran pendapatan baharu dan memastikan dasar untuk merancarkan ekonomi negeri. Keseimbangan di antara pertumbuhan ekonomi negeri yang sihat dan keprihatinan untuk memangkin rakyat yang kurang bernasib baik sentiasa menjadi agenda Kerajaan Negeri.

Sambutan acara tahunan Majlis Rumah Terbuka yang saban tahun diadakan di Selangor sama ada bagi meraikan perayaan Tahun Baru Cina, Aidilfitri, Deepavali dan Krismas menjadi



budaya bagi rakyat Malaysia.

Konsep Majlis Rumah Terbuka yang unik dan penuh warna-warni memang sudah tidak asing lagi bagi segenap lapisan masyarakat, di negara kita. Kegembiraan melalui perayaan ini membolehkan rakyat daripada kaum lain merasai kegembiraan tradisi pelbagai perayaan lain yang disambut, di negara ini.

Kerajaan Negeri amat komited untuk sentiasa memastikan kemajuan ekonomi, kestabilan politik, dan kemakmuran sosial yang dinikmati oleh rakyat di Selangor ketika ini akan terus dipelihara. Pelbagai pelaksanaan program pembangunan dan program masyarakat, di negeri ini.

Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum, etnik dan agama. Kita akan terus melipat-gandakan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan demi untuk faedah rakyat.

Justeru, sebarang tindakan yang boleh menjelaskan perpaduan rakyat dan kestabilan kerajaan, perlulah dihindari bagi membolehkan kita merealisasikan agenda pembangunan dengan berkesanan untuk meningkatkan lagi taraf sosio ekonomi rakyat dan memacu kemajuan khususnya, di kawasan luar bandar.

Harapan saya sikap saling menghormati dan menghargai kepelbagaian ini perlu dikekalkan sebagai satu keunikan yang juga kunci kepada kemajuan sosioekonomi negara.

Kerajaan Negeri tidak pernah meminggirkan mana-mana kaum, etnik dan agama. Kita akan terus melipat-gandakan usaha untuk meningkatkan kesejahteraan dan kemakmuran yang berterusan demi untuk faedah rakyat

Hal ini sekali gus menolak sebarang pengaruh negatif pihak tertentu yang suka melihat rakyat pelbagai kaum saling prejudis dan bertelingkah antara satu sama lain.

Saya turut ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan "Merry Christmas and Happy New Year" kepada semua masyarakat beragama Kristian dan juga kepada mereka yang meraikannya, di seluruh negara.

Ucapan ketika rumah terbuka sempena sambutan Perayaan Krismas Peringkat Negeri Selangor 2018 pada 15 Disember 2018



DR IDRIS AHMAD
turun padang merasmikan
Kejohanan Sepak Takraw Piala
ADUN Ijok

**ADN
IJOK**



ROZANA ZAINAL ABIDIN
menyempurnakan Perasmian
Program Warisan, Peradapan Anak
Nusantara dan Karnival Berkhatan

**ADN
PERMATANG**



← Aksi lincah pemain ketika beraksi dalam Kejohanan Bola Sepak Piala Dato' Menteri Besar, di Stadium Shah Alam

→ Hari Tanpa Kenderaan di Cyberjaya berjaya menarik pelbagai golongan termasuk Orang Kurang Upaya menyertai acara larian, di program itu



GUNARAJ GEORGE
turun padang merasmikan
Program Gotong-Royong Perdana

**ADN
SENTOSA**



LIM YI WEI
turun padang menyertai Bengkel
Mempertahankan Diri Aikido
anjurkan Pusat Wanita Berdaya

**ADN
KAMPUNG
TUNKU**

→ JBR Bundle yang terletak di Glenmarie Industrial Park menjadi lokasi pilihan pembeli pakaian terpakai, sekitar Selangor

→ Kanak-kanak seronok bermain permainan tradisional lempar selipar, di Taman Tasik Chempaka, Bangi



MAZWAN JOHAR
hadir ke Malam Mesra Bersama
Pengerusi TASKA dan TABIKA
KEMAS Parlimen Bangi

**ADN
SUNGAI
RAMAL**



DATO' IMRAN TAMRIN
turun padang ke Program
Sukaneka dan Produk Komuniti

**ADN
SUNGAI
AIR
TAWAR**



← Pak Ali, 63, tekun menyiapkan parang tempahan khas daripada pengunjung luar negara dalam bengkel beliau, di Klang Gate

→ Pengunjung luar negara menjadikan Batu Caves sebagai destinasi pilihan melakukan aktiviti 'rock climbing'



→ Shahzerin, 32, mengambil bahagian dalam Karnival Food Truck Fest-2018, di Ampang

→ Pengunjung dari Pulau Pinang bergambar bersama 'pohon jodoh' tarikan menarik ketika berkunjung, di Sekinchan



#budayakanbeliaselangor

Khairuddin mahu belia aktif

OLEH NAZLI IBRAHIM

Nama Mohd Khairuddin Othman bukanlah suatu nama asing bagi kebanyakan anak muda di kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) Paya Jaras. Beliau yang sebelum ini terkenal dengan 'tagline' 'Anak Muda, Geng Kita' itu gigih melaksanakan pelbagai aktiviti dan infrastruktur membabitkan kepentingan golongan terbabit.

Antara usaha Mohd Khairuddin adalah supaya Kerajaan Negeri membina Stadium Mini MBSA di Kampung Paya Jaras bernilai RM7.2 juta yang disifatkan penduduk di situ sebagai mercu tanda DUN terbabit. Selain stadium mini, pelbagai kemudahan lain membabitkan belia turut berjaya dibina seperti gelanggang futsal.

Pembinaan mercu tanda itu juga diisi dengan kejayaan penganjuran Liga Piala ADUN buat kali kesembilan berturut-turut iaitu satu lagi buah tangan Mohd Khairuddin untuk anak muda Paya Jaras.

Selain Liga Piala ADUN, pelbagai acara sukan lain seperti Kejohanan Futsal Piala ADUN, Kejohanan Sepak Takraw Piala ADUN juga rancang dijalankan ekoran sambutan luar biasa anak muda Paya Jaras.

Aktif sukan lasak

Mohd Khairuddin turut giat mengepalai sekumpulan anak muda Paya Jaras bagi membawa misi membawa belia Paya Jaras menawan puncak Gunung Kinabalu, pada tahun hadapan.

Pada masa ini, latihan sedang rancang dijalankan dengan mengadakan beberapa ekspedisi seperti mendaki denai Tiga Puteri di Kota Damansara, Gunung Angsi (825 meter), Bukit Kutu (1,070 meter) dan latihan menaiki tangga Batu Caves, hampir

setiap malam. "Setakat ini, belia tak ponteng latihan menaiki tangga Batu Caves kecuali jika ada program yang perlu dihadiri," kata Pegawai Khas Mohd Khairuddin, Norsyikin Abd Latip kepada SelangorKini.

Beliau juga kerap mendekati anak muda dengan menghadiri pelbagai program lain yang menyasarkan golongan itu seperti karnival motosikal dan kereta, pertandingan karaoke di bazar uptown serta banyak lagi.

Selain cenderung dengan aktiviti luar, termasuk sukan lasak, Mohd Khairuddin turut prihatin terhadap usaha melahirkan anak muda insan berkualiti di sekolah sekitar Paya Jaras dengan kerap mengadakan lawatan. Hal itu dapat dilihat apabila beberapa usaha dijalankan bagi membantu sekolah dan institusi pendidikan di Paya Jaras yang menghadapi beberapa masalah seperti bangunan uzur dan kemudahan lain.

la membuktikan kesungguhan beliau bagi memastikan modal insan berkualiti dilahirkan dan minat belia di Paya Jaras diuruskan dengan betul serta bermanfaat.

Rekod perkhidmatan ceritakan segalanya

Justeru, keputusan melantik Mohd Khairuddin sebagai EXCO Pembangunan Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan yang baru memang tidak menghairankan apabila rekod perkhidmatannya sebagai Penyelaras DUN dan ADN Paya Jaras menceritakan segalanya.

Malah, pelantikan Mohd Khairuddin bukan sahaja berdasarkan rekod perkhidmatannya di Paya Jaras, bahkan beliau juga mempunyai pengalaman di peringkat negeri. ADN penggal kedua itu sebe-

lum ini pernah menggalas tanggungjawab sebagai Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor pada 2013 hingga 2016, Pembantu EXCO Infrastruktur (2013-2014) dan Ahli Lembaga Tabung Pendidikan Sela-ngor (2013 - 2014).

Selain berpengalaman di peringkat DUN dan negeri, Mohd Khairuddin juga seorang penganjal undang-undang iaitu peguam.

Manakala, kelulusan akademi yang baik turut memperkukuhkan lagi kemampuannya memberi perkhidmatan terbaik kepada rakyat.

Apabila ditanya apakah harapannya kepada anak muda di Selangor, Mohd Khairuddin berkata, beliau mahu anak muda di Selangor tidak tua sebelum waktunya.

"Jutaan terima kasih kepada Presiden KEADILAN, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Timbalan Presiden, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali; Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari dan Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail.

"Saya akan mendukung 'tagline' #budayakanbeliaselangor bertepatan dengan hasrat mahu memastikan belia mempunyai hala tuju dan objektif di Selangor dengan budaya bermaksud sama ada budaya bersukan, aktiviti lasak, bekerja, seni dan pelbagai lagi.

"Paling penting, belia mempunyai budaya sebagai belia, berperanan sebagai belia dan tidak menjadikan diri tua sebelum waktunya," katanya kepada SelangorKini.

Fokus sebagai EXCO

Antara fokus utama beliau selaku EXCO, membantu Persatuan Bola Sepak Sela-

INFO GRAFIK Biodata EXCO

Nama: Mohd Khairuddin Othman
Tarikh Lahir: 20 September 1971
Negeri Kelahiran: Selangor
Pekerjaan: Peguam
Keluarga: Seorang isteri dan tiga anak

Pendidikan rasmi:

- 1993 - Diploma Pengurusan & Perniagaan Institut Teknologi Mara (ITM)
- 1998 - Diploma Undang-undang
- 1998 - Universiti Teknologi Mara (UiTM)
- 2001 - Ijazah Undang-Undang (kep) (UiTM)
- 2004 - Diploma Kehakiman & Guaman Islam Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)

Pengalaman :

- 2011 - kini Peguambela & Peguamcara
- 2009 - 2011 Ahli Majlis MBSA
- 2008 - 2013 Penyelaras Dewan Undangan Negeri Paya Jaras
- 2013 - 2018 Ahli Dewan Negeri Paya Jaras
- 2013 - 2014 Ahli Lembaga Tabung Pendidikan Selangor
- 2013 - 2014 Pembantu Exco Infrastruktur
- 2013 - 2016 Timbalan Pengerusi Majlis Sukan Negeri Selangor

ngor menjadikan pasukan 'Red Giant' kembali sebagai kuasa bola sepak disegani, di rantau Asia.

Selain itu, beliau juga akan memfokuskan usaha menambah kemudahan asas untuk belia di kawasan perumahan dan kampung.

Katanya, kemudahan asas untuk belia sangat penting bagi memastikan belia kekal aktif, sekali gus mampu berperanan sebagai belia sebenar.

"Bila kerajaan mahu mereka aktif, maka kita juga harus menyediakan kemudahan asas seperti padang bola, gelanggang futsal dan gelanggang bola keranjang termasuk mahu beliawanis mendapat tempat, dalam program anak

muda. "Fokus kita bola sepak, kemudahan fasiliti, belia dan beliawanis. Usaha mengharumkan Selangor di peringkat kebangsaan seperti dalam Sukan Malaysia, program meningkatkan kemahiran dan jati diri generasi muda melalui program modal insan.

"Harapan kita, Selangor menjadi lain daripada yang lain, memandangkan kita mempunyai kekuatan dana dan kemudahan," katanya.

Mohd Khairuddin berkata, beliau tekad memberi perhatian dengan sukan lasak seperti 'paintball', mendaki, 'warrior game' dan silat.

Selain itu, Mohd Khairuddin juga akan menjalin kerjasama dengan Kementerian Belia dan Sukan membabitkan wakil ADN dan Penggerak Belia Tempatan (PeBT) dalam Jawatankuasa Generasi Muda, Sukan dan Modal Insan.

Mohd Khairuddin mengangkat sumpah sebagai EXCO Generasi Muda, Sukan dan Pembangunan Modal Insan di hadapan Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah, di Balai Istimewa Alam Shah, pada 10 Disember lalu.

Pameran Terbuka Galeri Shah Alam

Tingkat intelektual seni visual

OLEH NORHAYATI UMOR

SHAH ALAM - Pameran Terbuka Galeri Shah Alam (PTGSA) yang kini diadakan mampu meningkatkan pemikiran intelektual dan kefahaman seni visual tempatan serta peringkat antarabangsa.

EXCO Kebudayaan, Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari berkata, aktiviti berkenaan penting sebagai bahan rujukan kepada individu, organisasi, pengumpul, pengiat seni dan pendidikan.

Katanya, menerusi perkongsian itu, maka ia dapat membentuk pelukis dan karyawan kreatif, produktif serta inovatif.

"Seni visual adalah antara faktor penting dalam usaha memperkenan dan memasarkan hasil karya tempatan.

"Program sebegini penting bagi menarik minat masyarakat tanpa mengira peringkat umur untuk menghayati hasil karya yang tersedia, di tanah air kita," katanya.

Beliau berkata demikian di Majlis Perasmian PTGSA di Galeri Shah Alam, pada 13 Disember lalu.

Hadir sama Pengarah Galeri Shah Alam, Prof Dato' Raja Zahabuddin Raja Yaacob dan Ahli



Abdul Rashid menurunkan tandatangan pada buku PTGSA 2018 sambil diperhatikan Raja Zahabuddin dan Musa Idris

Program sebegini penting bagi menarik minat masyarakat tanpa mengira peringkat umur untuk menghayati hasil karya yang tersedia, di tanah air kita

ABDUL RASHID EXCO Kebudayaan, Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan

Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Seni Selangor, Musa Idris.

Pada masa sama, Abdul Rashid berkata, pameran berkenaan membawa masyarakat lebih dekat dan memahami mesej tersurat atau tersirat yang disampaikan seseorang pengkarya, pereka serta jurufoto.

"Pameran tetap ini memberi ruang serta peluang kepada pelukis dan penggiat seni khususnya pendatang baru untuk meluahkan ekspresi, emosi, selain pengalaman menerusi arca, kanvas juga instalasi dengan menggunakan pelbagai medium," katanya.

Konsep penjurian tanpa tema



SHAH ALAM - Sebanyak 83 daripada 183 karya terpilih untuk dipamerkan di Pameran Terbuka Galeri Shah Alam (PTGSA), bermula 13 Disember lalu sehingga 21 Februari ini.

Pengarah Galeri Shah Alam, Prof Dato' Raja Zahabuddin Raja Yaacob berkata, PTGSA adalah sebuah pameran yang dinantikan pelukis dan pengkarya seni visual negara sejak diperkenalkan, pada 1991.

Katanya, pameran kali ini menampilkan konsep 'penjurian' dan penyertaan adalah bebas tanpa terikat dengan tema tertentu.

"PTGSA adalah semata-mata memberi ruang dan peluang kepada pelukis serta pengkarya seni meluahkan ekspresi juga menonjolkan bakat selain kreativiti dalam semua bidang.

"Antaranya media seni visual, khusus bagi golongan muda tanpa mengira etnik atau gender," katanya di Majlis Perasmian PTGSA, di Galeri Shah Alam, di sini.

Hadir sama, EXCO Kebudayaan, Pelancongan, Peradaban Melayu dan Warisan, Datuk Abdul Rashid Asari serta Ahli Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Seni Selangor, Musa Idris.

Pada masa sama, Raja Zahabuddin berkata, PTGSA adalah lapangan penggiat seni baru dan lama berpameran sepenuhnya atau separuh masa dalam menyemarakkan seni visual secara individu.

"Sebanyak lima pengkarya menerima Anugerah Insentif berjumlah RM2,500 sebagai galakan dan insentif dalam menghasilkan karya terbaru serta bermutu tinggi.

"Anugerah Insentif ini bagi memastikan karya tahunan semasa dan terkini adalah terbaik serta bakal menjadi dorongan kepada penggiat seni lain untuk lebih maju dalam menghasilkan seni visual," katanya.

ASR PENGURUSAN AIR SELANGOR SDN BHD

SELANGOR (1082296-U)

KENYATAAN TENDER

Bil.	NO. TENDER	KETERANGAN
1.	AIS/PCW/ T5/12/2018	REPLACEMENT AND UPGRADING OF MECHANICAL, ELECTRICAL AND CIVIL WORKS AT PUMP HOUSES AND RESERVOIR IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA PACKAGE 2B: SELAT DAMAI, SUCTION TANK, PUMP HOUSE & ELEVATED WATER TANK, KLANG REGION
2.	AIS/PCW/ T9/12/2018	REPLACEMENT AND UPGRADING OF MECHANICAL, ELECTRICAL AND CIVIL WORKS AT PUMP HOUSES AND RESERVOIR IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA PACKAGE 1A: A) SG. LANG SUCTION TANK, PUMP HOUSE & ELEVATED WATER TANK, SABAK BERNAM REGION B) BRH STAGE 1 PUMP HOUSE ACCESS ROAD, SABAK BERNAM REGION
3.	AIS/PCW/ T10/12/2018	REPLACEMENT AND UPGRADING OF MECHANICAL, ELECTRICAL AND CIVIL WORKS AT PUMP HOUSES AND RESERVOIR IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA PACKAGE 1B: BUKIT BERUNTUNG, RESERVOIR, HULU SELANGOR
4.	AIS/PCW/ T7/12/2018	REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSES IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA PACKAGE 2A: ELEVATED WATER TANK, SUCTION TANK & PUMP HOUSE AT TAMAN DESA DAMAI, SG. MERAB, SEPANG REGION
5.	AIS/PCW/ T8/12/2018	REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSES IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA PACKAGE 2B: A) ELEVATED WATER TANK AND PUMP HOUSE AT TAMAN DESA ABLELINK, KLANG REGION B) ELEVATED WATER TANK AT TAMAN DESA IDAMAN, KLANG REGION
6.	AIS/PCW/ T13/12/2018	REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSES IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA PACKAGE 3: GROUND RESERVOIR AT KAWASAN PERINDUSTRIAN BUKIT RAJA SELATAN, KLANG REGION
7.	AIS/PCW/ T12/12/2018	REPLACEMENT AND UPGRADING OF MECHANICAL, ELECTRICAL AND CIVIL WORKS AT PUMP HOUSES AND RESERVOIR IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR & PUTRAJAYA PACKAGE 2A: IWSS PUCHONG LESTARI PUMP HOUSE, PETALING REGION
8.	AIS/PCW/ T6/12/2018	REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSES IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA PACKAGE 1A: GROUND RESERVOIR AND PUMP HOUSE AT CHERAS JAYA, HULU LANGAT REGION B) ELEVATED WATER TANK, SUCTION TANK AND PUMP HOUSE AT TAMAN IMPIAN INDAH, HULU LANGAT REGION
9.	AIS/PCW/ T11/12/2018	REHABILITATION AND REFURBISHMENT OF UNUSED RESERVOIR AND PUMP HOUSES IN THE STATE OF SELANGOR, WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR AND PUTRAJAYA PACKAGE 1B: ELEVATED WATER TANK, SUCTION TANK AND PUMP HOUSE AT TANMING IMPIAN, HULU LANGAT REGION

Untuk butiran lanjut mengenai tender di atas, sila layari laman web kami di <https://www.syabas.com.my/business/current-tender#1> atau menyertai saluran Telegram kami di <https://t.me/tenderselangor> untuk mendapatkan pemberitahuan tentang kemunculan tender kami. Kontraktor/Pembekal yang ingin menyertai tender di atas adalah diwajibkan untuk mendaftar dengan Air Selangor. Untuk mendaftar, sila ke pautan berikut: <https://www.syabas.com.my/business/supplier>. Emel kelulusan atau sijil pendaftaran kontraktor/pembekal hendaklah dibawa semasa membeli dokumen tender.



OLEH ALIAA ALINA

"TUAN, saya perlukan kebenaran Tuan untuk mendayung sampan di sungai itu. Saya perlu mencari sesuatu di sana."

"Apa yang kamu mahu cari, Julia?"

"Saya sendiri pun tidak tahu, Tuan. Cuma saya yakin saya akan menemuinya di sungai itu."

"Bagaimana kamu mahu mencari sesuatu yang kamu sendiri pun tidak tahu perkaranya?"

"Tolonglah Tuan, benarkan saya pergi ke sungai itu..."

Saya mendayung sampan di sungai itu, airnya jernih sehinggalah saya boleh nampak apa yang ada di dasarnya. Airnya mengalir perlahan, dan bunyi deruannya membuatkan saya berasa tenang sekali. Momen-momen seperti ini adalah sesuatu yang tidak ternilai kerana sungai adalah perkara yang asing bagi saya.

Saya dilahirkan dan dibesarkan di dalam rumah kotak berpuh-puluh tingkat di kota metropolitan. Di sana, sungai adalah lambang kemewahan dan hanya mereka yang berduit sahaja yang mampu melihatnya.

Saya terfikir tentang apa yang diperkatakan oleh Tuan sebelum ini, bagaimanakah saya mahu mencari sesuatu yang saya sendiri tidak tahu perkaranya. Saya mulai berasa risau namun saya teguhkan keyakinan bahawa akan menemuinya di sungai ini.

Dayungan saya semakin perlahan apabila melihat seseorang



berdiri di tebing dan melambai tangannya kepada saya.

Wajahnya memang cukup saya kenali. Dia adalah kekasih saya yang sudah pergi meninggalkan saya untuk orang lain. Disebabkan dia, kemurungan kembali memeluk saya selepas saya meninggalkannya di rumah Ibu.

Kekasih saya memujuk saya supaya datang kepadanya untuk memulakan hidup baru. Saya hampir termakan pujukan itu, namun tangan saya enggan untuk berhenti mendayung. Mungkin tubuh saya memilih untuk pergi seperti yang dia telah lakukan dahulu.

Maka saya pun terus mendayung sehinggalah lengan saya terasa lenguh. Akhirnya saya pun berhenti di pinggir sungai itu.

"Tuan, tolong benarkan saya kembali semula ke sungai itu. Saya masih lagi tidak berjumpa dengan perkara yang saya cari."

"Tinggalkan sungai itu, Julia. Kamu perlu kembali semula sebelum terlambat."

"Saya tidak boleh, Tuan. Saya tidak akan dapat kedamaian jika saya tidak meneruskan pencarian di sungai itu."

"Tiada kedamaian di sungai itu jika kamu gagal mencari kedamaian di dalam diri kamu."

"Tolonglah Tuan,

izinkan saya balik semula ke sungai itu."

Buat kali keduanya, saya mendayung sampan di sungai itu. Saya menutup mata dan berasa nikmat sekali apabila angin lembut mencium wajah saya. Ternyata Tuan berbohong kepada saya kerana saya berasa aman dan bahagia di sungai itu.

Apabila saya sudah sampai ke penghujung sungai, barulah saya akan kembali semula kepada mereka."

"Bagaimana jika kamu gagal berjumpa dengan penghujungnya, Julia?"

"Bukankah semua perkara sepatutnya ada pengakhirannya, Tuan?"

Buat kali ketiga, dan mungkin kali terakhirnya, saya kembali semula ke sungai itu. Walaupun gusar, saya tetap gagahkan diri untuk terus mendayung kerana saya perlu sampai ke penghujungnya. Saya yakin, pasti ada sesuatu yang indah sedang menanti di sana untuk saya.

Hati saya berdebar tatkala melihat seorang manusia sedang melambai-lambai di tebing sungai. Pada mulanya, saya melalingkan kepala kerana saya takut untuk melihat gerangan manusia misteri itu.

Namun memikirkan bahawa saya sudah penat berlari sepanjang hidup ini, lantas saya berpaling semula kepadanya.

Saya tergamam kerana manusia itu mukanya sungguh mirip seperti saya. Janggal sungguh rasanya apabila melihat diri saya berada di tebing sedangkan diri saya yang sebenar ada di sini, sedang mendayung sampan ini.

"Julia, usahlah mendayung sampan lagi. Kembalilah dan jalani kehidupan kamu seperti biasa."

"Tuan, buat kali terakhir,

benarkan saya kembali ke sungai itu. Saya masih yakin perkara yang saya cari ada disana."

"Sudah dua kali kamu menyelusuri sungai itu namun kamu masih gagal menjumpainya. Tiada gunanya jika saya benarkan kamu pergi ke sungai itu lagi."

"Tuan, kali ini saya akan terus mendayung sehinggalah saya berjumpa dengan hujung sungai itu. Apabila saya sudah sampai ke penghujungnya, barulah saya akan kembali semula kepada mereka."

"Bagaimana jika kamu gagal berjumpa dengan penghujungnya, Julia?"

"Bukankah semua perkara sepatutnya ada pengakhirannya, Tuan?"

Buat kali ketiga, dan mungkin kali terakhirnya, saya kembali semula ke sungai itu.

Walaupun gusar, saya tetap gagahkan diri untuk terus mendayung kerana saya perlu sampai ke penghujungnya. Saya yakin, pasti ada sesuatu yang indah sedang menanti di sana untuk saya.

Hati saya berdebar tatkala melihat seorang manusia sedang melambai-lambai di tebing sungai. Pada mulanya, saya melalingkan kepala kerana saya takut untuk melihat gerangan manusia misteri itu.

Namun memikirkan bahawa saya sudah penat berlari sepanjang hidup ini, lantas saya berpaling semula kepadanya.

Saya tergamam kerana manusia itu mukanya sungguh mirip seperti saya. Janggal sungguh rasanya apabila melihat diri saya berada di tebing sedangkan diri saya yang sebenar ada di sini, sedang mendayung sampan ini.

Saya melihat beningnya be-

rair membuatkan saya terus menyentuh mata sendiri. Saya gugup, perasaannya seperti sedang memandang pantulan sendiri di cermin hospital.

Dia meminta saya supaya berhenti di tebing itu. Saya sudah berkira untuk menurutinya namun bunyi kocakan air membuatkan saya menoleh.

Saya hairan melihat kemunculan ratusan orang sedang mendayung sampan di sungai itu. Mereka memandang saya dengan senyuman, dan memujuk saya untuk terus mendayung bersama mereka sehinggalah sampai ke penghujungnya.

Buat pertama kali di dalam hidup, saya tidak lagi berasa berseorangan di dunia ini.

Saya melambai pergi kepada manusia bermirip saya. Saya berjanji bahawa saya akan kembali semula kepadanya. Sesudah saya menjumpai perkara yang saya mahukan di sungai itu.

Saya senang hati memandang matahari yang sudah separuh terbenam sambil ditemani keriuhan sekawan burung yang terbang pulang ke sarang masing-masing.

Setelah penat mendayung, saya berbaring di dalam sampan itu dengan hati yang lapang. Saya mulai terlena setelah berpuluh malam saya tidak dapat melelapkan mata. Saya membiarkan sahaja nasib saya ditentukan oleh angin dan air untuk mengemudi sampan itu.

Sehingga ke akhir waktu, saya pun kurang pasti jika saya sudah berjumpa dengan perkara yang saya cari selama ini. Dan dalam di buai mimpi yang lena, dengan jiwa yang damai, saya bertanya semula kepada Tuan saya.

Adakah wujud hujung sungai sebenarnya?



Keutamaan Operasi KSSB

OLEH AFIX REDZUAN

Jabatan Kualiti, Keselamatan, Kesihatan dan Persekitaran (KKP) Kumpulan Seoranga Sdn Bhd (KSSB) ditubuhkan pada September 2015 bertujuan memastikan pelaksanaan keselamatan, kesihatan serta persekitaran dikawal selia mengikut Akta Keselamatan dan Kesihatan 1994, Akta Mesin dan Jentera 1967 serta Akta Alam Sekitar 1994.

Diketuai Mohamad Fadzil Yahya, jabatan itu turut diamanahkan untuk mendapatkan dan mengawalselia persijilan ISO9001:2015 serta memperolehinya, pada 12 Januari 2018.

"Jabatan kami menumpukan aspek keselamatan di semua peringkat termasuk lapangan. Setiap pagi, semua jabatan akan berkumpul dalam sesi 'toolbox' dan bercakap berhubung keselamatan."

"Aspek keselamatan ini bukan sahaja dalam tempoh bertugas di pejabat

atau lapangan tetapi termasuk perjalanan pergi dan pulang seseorang kakitangan.

"Kami berperanan meminimalkan risiko dan menjadikan 'Lost Time Injury' (LTI) sebagai penanda aras serta penekanan aspek keselamatan dalam setiap tugas dilakukan kakitangan KSSB," katanya.

Objektif jabatan itu adalah membangun serta mempertingkatkan kesedaran kepada kakitangan dan kontraktor ber-

hubung kepentingan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja serta membudayakannya.

Mohamad Fadzil berkata, selain itu, mereka turut berperanan memastikan kelestarian alam sekitar dengan memastikan kawalan yang terbaik, di tapak kerja.

"Bagi sistem pengurusan Kualiti (SPK), jabatan ini juga mengawalselia 'Standard Operation Procedure' (SOP) bagi memastikan produk dan perkhidmatan yang memenuhi kehendak serta keperluan pelanggan, pihak berkepentingan, rakan niaga, pekerja, masyarakat termasuk perundangan serta yang lain.

"Antara fungsi jabatan, kita mengawalselia pematuhan perundangan berkaitan KKP di semua tempat kerja dan mewujudkan Sitem Pengurusan KKP bagi memastikan peningkatan berterusan dalam pengurusan serta prestasi KKP.

"Kita juga mempertingkatkan usaha berterusan dalam latihan dan sumber bagi meningkatkan prestasi KKP dan SPK. Penambahan kepada Sistem Pengurusan KKP/SPK secara berterusan dilakukan bagi

"Kita juga berperanan menguruskan risiko KKP terhadap semua aktiviti dilakukan dengan penyediaan langkah kawalan bagi meminimalkan risiko musibah serta mengambil langkah proaktif ke arah perlindungan alam sekitar," katanya.

Beliau berkata, amalan KKP perlu sentiasa diingatkan kepada semua kakitangan, kontraktor, rakan niaga dan masyarakat secara amnya bagi memastikan persekitaran kerja yang selamat serta kondusif.

Jabatan KKP juga turut menyasarkan matlamat menjadikan tapak kerja sebagai sifar kemalangan (zero accident) pada masa akan datang, di samping meletakkan KKP dan Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) syarikat setaraf serta berdaya saing dengan syarikat yang sudah lama melaksanakan KKP/SPK.

"Kita juga mempertingkatkan usaha berterusan dalam latihan dan sumber bagi meningkatkan prestasi KKP dan SPK. Penambahan kepada Sistem Pengurusan KKP/SPK secara berterusan dilakukan bagi

mencapai nilai bersama syarikat seperti kepentingan KKP, berintegriti, mesra pelanggan, kecekapan operasi serta bersatu," katanya.

Selain memperoleh persijilan ISO9001:2015 pada 12 Januari lalu, Jabatan KKP turut berjaya membentuk Jawatankuasa KKP di peringkat pengurusan dan jawatankuasa kecil, di samping mewujudkan Jawatankuasa Kecil bagi audit 5s.

Pihak jabatan turut bertanggungjawab mengadakan latihan bagi penyelia keselamatan tapak (3S), pegawai keselamatan dan kesihatan serta pegawai kejururawatan termasuk latihan berselesaian untuk kakitangan.

"Kita turut menggalakkan kakitangan setiap jabatan dan jabatan lain memberikan 'toolbox' setiap hari Isnin serta membawa kakitangan dalaman melihat sendiri operasi, di lapangan.

"Kakitangan operasi di bahagian utara dan selatan turut dibawa dalam menyampaikan 'toolbox' secara mingguan, di samping penganjuran 'walkabout' kakitangan pejabat utama secara berkumpulan," katanya.

Pihak Jabatan KKP juga mewujudkan program 3R (Reduce, Reuse, Recycle) di semua pejabat KSSB sebagai satu sumbangan ke arah kelestarian alam sekitar dan berjaya mengumpulkan hampir 120 kilogram barangan kitar semua sejak program itu dilancarkan, pada bulan Mei lalu.

Daripada segi kesihatan pekerjaan, pihak syarikat mengadakan pemeriksaan berkala (Surveillance Medical Checkup) ke atas semua pekerja, setiap tahun.

Memaknakan Deru

Ada yuda pada laut kehidupan —

terkadang diserbu belawai singgah menampar-nampar pipi hari lalu bergumpal menyelinap bagai gelangggong bergulung-gulung terkadang segerombolan semampai menyusup mengemudi gerak melayarkan pinisi nafsu menggelora bergelombang menguji cebisan-cebisan petonjong diri hingga tak bersisa berderai

Barangkali sekalian deru berpuhu menyeret kisuran berbaur luklui panjang berantaraan yang mungkin sesekali terputus barangkali ada mentening menjelma bak jerung mengganas mengerkah seluruh selising membaham silunjang menjadi kunarpa jahanam

— ada deru-deru angin pada yuda.

AttOkz Dikulgai Bandar Tasik Selatan



Angkat lima segmen seni

Festival Laman Seni 2018 tampil kelainan

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Festival Laman Seni (FLS) 2018 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di Laman Seni 7, tampil kelainan dengan mengangkat lima segmen berteraskan cabang seni. Memasuki edisi ketiga penganjuran, FLS yang mengetengahkan tema 'Raikan Seni bersama Shah Alam' bermula dari jam 11 pagi hingga 6.30 petang, pada 15 Disember lalu.

'Mini Zee Bee Forum' dedah agenda pembangunan mampan

SHAH ALAM - 'Mini Zee Bee Urban Forum' anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) memberi pendedahan secara meluas berkaitan agenda pembangunan mampan di peringkat global, khususnya membabitkan program bersama komuniti. Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awamnya, Shahrin Ahmad berkata, ia menjadi medium untuk berkongsi idea selain bertukar pendapat berhubung program 'Mini Zee Bee'. "Program ini adalah berdasarkan garis panduan Pembangunan Kejurangan Hijau yang menekankan aspek elemen hijau

sional membabitkan sekolah rendah dan menengah, 'buses', persembahan pentas artis utama, 'street performance' dan vendor seni. "Setiap segmen memberikan penyampaian seni secara berbeza bagi menarik pengunjung untuk menyertai dan meraiikannya. "Bagi segmen persembahan pentas, ia dibarisi artis seperti Daqmie, Roslan Madun, Amylea Azizan, Kaer, Pandoras dan Leap. "Pengunjung juga dihiburkan dengan persembahan 'street koir' dan 'flash mob' yang memukau," katanya. Terdahulu, festival itu berjaya menghimpunkan lebih 1,000

dalam kehidupan seharian seperti kebun bandar, bandar selamat, penjimatan tenaga dan air, pengasingan sampah dan kitar semula. "Selain itu, kita juga menyasarkan pendedahan lebih meluas kepada peserta forum mengenai kepentingan Agenda Pembangunan Mampan selari dengan matlamat menjadikan bandar raya Shah Alam Rendah Karbon, menjelang 2030," katanya dalam kenyataannya. Terdahulu, forum berlangsung pada 5 dan 6 Disember lalu, di Avenue Garden Hotel, Bangi, mendapat penyertaan daripada

pen cinta seni yang jelas terpaku melihat gerak langkah persembahan yang luar biasa, malahan ada juga segelintir hadirin menirukan pergerakan persembahan berkenaan. Sebanyak 15 pempamer turut serta dalam pameran seperti jualan buku, barangan kraf, batik dan seni. Mohd Zulhamee berkata, FLS adalah sebahagian daripada inisiatif MBSA bagi menyemarakkan aktiviti seni budaya, sekali gus memberi peluang kepada golongan kreatif dan belia untuk berkarya. Katanya, ia juga selari dengan gagasan Bandaraya Shah Alam sebagai sebuah kota seni.

Ahli Majlis MBSA dan wakil penduduk bagi setiap Zon Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), di bawah pentadbiran pihak berkuasa tempatan terbabit. Ia disempurnakan Datuk Bandar Shah Alam, Dato' Ahmad Zaharin Mohd Saad. Antara pengisian forum sepanjang dua hari adalah taklimat daripada Setiausaha Kehormat Pertubuhan Perancang Malaysia, TPr Datin Mazrina Abdul Khalid bertajuk 'Agenda Sasaran Pembangunan Mampan (SDG) Malaysia dan Rangka Kerja Shah Alam bandar raya Rendah Karbon.

'Foodtruck' 72 jam lakar sejarah MBoR

AMPANG - Persatuan Foodtruck Selangor melakar sejarah The Malaysia Book Of Record (MBoR) dengan menganjurkan 'The Longest Non-Stop 72 Hours Foodtruck Fest-2018' di Laman Trak Makanan, Padang Majlis Perbandaran Ampang Jaya (MPAJ). Acara perasmian disempurnakan Pegawai Khas Pusat Khidmat DUN Pandan Indah, Zamri Jantan yang mewakili EXCO Infrastruktur dan Kemudahan Awam, Pemodenan Pertanian dan Industri Asas Tani, Ir Izham Hashim. Ia disaksikan Eksekutif Pentadbiran Am MBoR, Siti Hajar Johor dan Presiden Persatuan Foodtruck Selangor, Abdul Rahman



MBPJ wujud aplikasi semak kelulusan lesen

SHAH ALAM - Kini peniaga boleh menyemak kelulusan lesen hanya di hujung jari apabila Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) mewujudkan sebuah aplikasi bagi memudahkan peniaga. Pengarah Jabatan Pelesenan MBPJ, Sharinaz Samsudin berkata, beliau tidak menafikan proses menyemak lesen perniagaan memakan masa jika ada permohonan gagal memenuhi syarat. "Pemohon terpaksa datang ke kaunter MBPJ hanya untuk diberitahu permohonan mereka ditolak kerana tidak memenuhi kriteria tertentu atau tidak mengemukakan dokumen diperlukan. "Ia satu pembaziran masa untuk mereka pergi ke kaunter hanya untuk mengetahui berjaya atau tidak, namun dengan adanya aplikasi yang diwujudkan ini, peniaga boleh semak kelulusan lesen sepanjang masa untuk mereka," katanya. Setakat ini, aplikasi yang dinamakan eLesen MBPJ itu boleh dimuat turun secara percuma melalui

Supari. Usaha anjuran Persatuan Foodtruck Selangor ini bagi mengumpul peniaga tempatan, sekali gus memberikan pengalaman pengendalian perniagaan serta menarik pengunjung menikmati makanan dan minuman yang dijaja. Penganjuran pertama kali itu menampilkan 25 peniaga kendera saji dengan pembabitan 130 petugas dan beroperasi, selama 72 jam. Pengunjung juga boleh melakukan transaksi pembelian menggunakan 'wallet' elektronik menerusi applikasi Boost dan Touch & Go.

Google Play. Sharinaz berkata, orang ramai juga boleh memeriksa status lesen perniagaan premis dengan mengimbas kod QR yang ditampal, di pintu masuk kedai. Katanya, melalui kod QR, pengguna dapat melihat butiran seperti nama dan alamat premis, jenis perniagaan yang dilisenkan untuk beroperasi serta ketulenan lesen. Lebih manis, kejayaan itu mengakhiri penantiannya selama hampir 15 tahun sejak penganjuran sama diadakan pihak berkuasa tempatan terbabit. Beliau yang dikenali dengan panggilan 'Abang Din' berkata, amat bersyukur atas rezeki itu. "Lebih 50 pertanyaan pertandingan memancing sudah disertai dan kejayaan ini adalah kali pertama bagi saya. Sebelum ini pernah juga meraih naib juara. "Memancing sememangnya menjadi hobi saya, malahan sering menjalankan aktiviti santai ini bersama kawan-kawan kerana ia sesuatu yang menyenangkan," katanya.



Tundukan MBPJ 2-1

MPK juara Piala MB 2018

OLEH ZAREEF MUZAMMIL

SHAH ALAM - Majlis Perbandaran Klang (MPK) muncul juara Kejujutan Bola Sepak Piala Menteri Besar Selangor 2018 selepas menundukkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) 2-1, di Stadium Shah Alam, pada 14 Disember lalu. Sebaik wisel perlawanan dibunyikan pengadil, MPK yang dibimbing jurulatih Azhar Sulaiman terlebih dahulu dikejutkan dengan jaringan pembukaan MBPJ, pada minit ke-20. Tersentak jaringan itu, MPK yang menurunkan kesebelasan utama mereka bangkit daripada ketinggalan 0-1 dengan memperkemas corak permainan, sekali gus berjaya mengikat kedudukan hasil rembatan kemas Mohamad Faris Ismail, pada minit ke-30. Jaringan penyamaan itu membangkitkan kembali semangat pasukan MPK dan menghukum kealpaan benteng pertahanan lawan apabila rembatan cantik Taufiq Zainal pada minit ke-54

terus merobek gawang lawan untuk menjadikan kedudukan 2-1. Jurulatih MPK, Azhar Sulaiman berkata, beliau bangga dengan pencapaian yang ditunjukkan skuad kendaliannya apabila membuktikan kemampuan untuk menjulang piala kejujutan itu buat julung kalinya. Katanya, walaupun barisan pemain menampilkan rentak agak goyah pada babak awal perlawanan tetapi mereka berjaya menemui rentak untuk kembali menyeimbangkan pergerakan sepanjang perlawanan. "Pada 10 minit terawal, pasukan nampak tertekan memandangkan pihak lawan tampil agresif, namun sejurus tamat separuh masa pertama saya mengumpulkan semua pemain bagi memberi sedikit galakan dan nasihat untuk membangkitkan semula semangat mereka. "Kemenangan bermakna ini sudah tentu menggembirakan saya termasuk pihak pengurusan kerana menetapkan sasaran untuk memastikan piala ini milik kami,"katanya.



Mohd Khairuddin (tengah) bergambar kenangan bersama Pasukan MPK yang muncul juara dalam Kejujutan Bola Sepak Piala Menteri Besar Selangor 2018

Kemenangan itu melayakkan MPK membawa pulang hadiah wang tunai RM3,000 serta piala kejujutan yang disampaikan EXCO Pembangunan Generasi Muda dan Sukan serta Pembangunan Modal Insan, Mohd

Khairuddin Othman, yang hadir menyaksikan perlawanan akhir. Naib Juara iaitu MBPJ menerima RM2,000 manakala tempat ketiga Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor, RM1,000. Turut hadir Pengerusi

Jawatankuasa Sukan Kelab Setiausaha Kerajaan Negeri merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengelola Kejujutan, Mohd Faizal Mohamed Said dan Setiausaha MPK, Adi Faizal Ahmad Tarmizi.

Tuah umpan roti kosong

SHAH ALAM - Hanya berum-punkan roti kosong, Shamsuddin Arshad, 52, berjaya dinobatkan sebagai juara dalam Pertandingan Memancing anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), di Taman Tasik Shah Alam, pada 15 Disember lalu. Kemenangan itu disahkan juri pertandingan selepas beliau berjaya menaikkan ikan patin seberat 21.55 kilogram (kg) ketika tempoh masa baki lima minit, sekali gus menewaskan 245 peserta lain yang turut hadir memeriahkan pertandingan berkenaan. Lebih manis, kejayaan itu mengakhiri penantiannya selama hampir 15 tahun sejak penganjuran sama diadakan pihak berkuasa tempatan terbabit. Beliau yang dikenali dengan panggilan 'Abang Din' berkata, amat bersyukur atas rezeki itu. "Lebih 50 pertanyaan pertandingan memancing sudah disertai dan kejayaan ini adalah kali pertama bagi saya. Sebelum ini pernah juga meraih naib juara. "Memancing sememangnya menjadi hobi saya, malahan sering menjalankan aktiviti santai ini bersama kawan-kawan kerana ia sesuatu yang menyenangkan,"katanya.




Kemenangan bermakna itu turut melayakkannya menerima hadiah berupa wang tunai RM10,000 serta sebuah motosikal model Yamaha Y15ZR. Tempat kedua dan ketiga disandang oleh Ismail Mohammad yang membawa pulang RM10,000 dan Juraini (RM3,000) selepas masing-masing menaikkan patin seberat 18.07 kg serta 14.16 kg. Terdahulu, penyampaian hadiah disempurnakan Dato' Orang Kaya Maha Bijaya Petaling, Dato' Emran Kadir; Pengarah

MPSepang lancar kempen kurang guna 'straw' plastik

CYBERJAYA - Majlis Perbandaran Sepang (MPSepang) melancarkan kempen mengurangkan penggunaan penyedut minuman plastik selari dengan hasrat Kerajaan Negeri dalam mengekang isu pencemaran. Timbalan Yang Dipertuannya, Muhammad Hafiz Shaari berkata, menerusi kempen itu pihaknya mengedarkan kepada darakan pek penyedut minuman besi dan berus pencuci secara percuma. "Kita sokong hasrat Kerajaan Negeri menggalakkan penyedut minuman plastik dikurangkan dan diganti dengan alternatif lain seperti penyedut kertas atau besi supaya tiada lagi isu pencemaran berlaku. "Inisiatif mengedarkan penyedut minuman besi itu bagi memudahkan orang ramai bawa ke mana sahaja. Justeru, secara tidak sedar kita dapat mengurangkan pencemaran,"katanya. Beliau berkata demikian selepas tamatnya program Car Free Day MPSepang yang diada-

kan, di Persiaran Tasik Cyberjaya, pada 15 Disember lalu. Katanya, beliau optimis masyarakat dapat melaksanakan budaya tidak lagi menggunakan penyedut minuman plastik kerana secara tidak langsung ia akan menjadi kebiasaan. "Kita amat menggalakkan masyarakat mulai sedar dan secara perlahan berubah kepada budaya menggunakan penyedut minuman kertas atau besi," katanya. Menariknya, pada program Car Free Day itu, gerai yang terbabit dengan penjualan makanan minuman bekas kertas bertujuan mengurangkan pencemaran. Terdahulu, antara pengisian Car Free Day adalah aktiviti larian Suka-Suka Run sejauh lima kilometer membabitkan peserta daripada Program Pemulihan Dalam Komuniti Rumah Kasih dan beberapa peserta luar. Turut diadakan aktiviti zumba, pertandingan kasut roda, pertandingan mewarna, pertunjukan kereta tamiya, persembahan daripada artis Semarak Busker dan cabutan bertuah.





Program Jelajah Kembali Ke Sekolah

MBI salur RM1.7 juta bantu 8,400 pelajar

OLEH SHEEDA FATHIL

GOMBAK - Kerajaan Negeri menerusi Pemerdagangan Menteri Besar (MBI) Selangor memperuntukkan RM1.7 juta bagi membantu 8,400 pelajar yang bakal memulakan sesi persekolahan 2019.

Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari berkata, menerusi peruntukan itu, 150 pelajar di setiap DUN bakal menerima bantuan RM200 seorang.

"Inilah kebaikan Selangor selain melaksanakan program Inisiatif Peduli Rakyat, kita juga turut memberikan bantuan persekolahan untuk kanak-kanak yang bakal memulakan sesi persekolahan.

"Saya optimis bantuan ini sedikit seba-

nyak mampu meringankan beban ibu bapa atau penjaga menyediakan kelengkapan sekolah," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap merasmikan Majlis Pelancaran Perdana Program Jelajah Kembali Ke Sekolah, di Dewan Masyarakat Kampung Sungai Pusu, pada 14 Disember lalu.

Turut hadir, Ahli Dewan Negeri Gombak Setia, Hilman Idham; Ketua Pegawai Operasi MBI, Soffan Affendi Aminudin dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, Suliman Abd Rahman.

Pada majlis terbabit, Amirudin turut menyerahkan bantuan persekolahan fasa pertama kepada 600 penerima membabitkan Dewan Undangan Negeri Gombak Setia; Bukit



Antarabangsa; Lembah Jaya; Pandan Indah; Sungai Tua dan Taman Templer.

Pada masa sama, Amirudin komited program berbentuk tanggungjawab

sosial korporat itu dapat dizahirkan supaya keuntungan perniagaan diperolehi dapat diterjemah dalam bentuk kepedulian kepada rakyat.

Misi CSR Go Green berjaya

KUALA SELANGOR - Menyedari kepentingan pemeliharaan dan penghijauan landskap alam, seramai 72 penuntut Universiti Selangor (UNISEL) berjaya melaksanakan misi Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) Go Green 2018, di Selangor Fruits Valley (SFV), pada 13 Disember lalu.

Projek akhir penuntut jurusan Diploma Komunikasi Media, Jabatan Komunikasi (Fakulti Komunikasi, Seni Visual & Pengkomputeran) universiti itu bertujuan memenuhi keperluan silibus Pengurusan Acara (JMD 3224).

Ketua Projek, Muhammad Haiqal Azim berkata, pendekatan itu diambil sebagai medium mendekatkan diri pelajar bersama masyarakat, khususnya dalam menjamin kelestarian dan kehijauan alam sekitar.

"Menjadi tanggungjawab kami memastikan keindahan alam sekitar dijaga sebaiknya demi kesejahteraan kehidupan, selain turut membantu kami untuk lebih memahami peranan dalam sesebuah komuniti.

"la secara tidak langsung memberi peluang kepada kami untuk menghargai khazanah alam melalui aktiviti penanaman pokok dan mengindahkan tumbuh-tumbuhan yang terdapat, di sekitar SFV ini," katanya kepada SelangorKini.

Hadir sama, Ketua Jabatan Komunikasi, Suzie Yanti Muhamad Lagis; Ketua Program Jabatan Komunikasi, Faizul Mohd Noh dan Penasihat Program, Nor Zakiah



Ismail.

Sepanjang program berlangsung, peserta dibahagikan kepada lima kumpulan bagi menjalankan beberapa aktiviti berkebudayaan, membina sangkar anab, membersihkan trem trak dan mengindahkan SFV.

Mengulas lanjut, Haiqal berkata, pihak pengurusan Agro Pelancongan SFV turut memberi komitmen dan layanan baik sepanjang program selaras memastikan matlamat penganjuran dapat dicapai dengan jayanya.

"Mereka banyak membantu kami menyediakan segala kemudahan logistik seperti peralatan

INPENS terima dua Myvi untuk pembelajaran

SHAH ALAM - Kolej Antarabangsa INPENS (IIC) Kuala Selangor menerima sumbangan dua kenderaan model Myvi daripada syarikat Perusahaan Otomobil Kedua Sdn Bhd (PERODUA) bagi tujuan latihan dan penyelidikan, di institusi teknologi automotif itu.

Ketua Eksekutifnya, Ahmad Zabri Mohd Yaman berkata, INPENS adalah antara 25 institusi kemahiran di Malaysia terpilih menerima sumbangan berkenaan bagi memantapkan kemahiran pelajar dalam perindustrian automotif.

"Melalui sumbangan ini, INPENS mampu menambah baik dan memantapkan pembelajaran lebih efektif kepada pelajar, khususnya dalam sektor teknologi automotif sejajar keperluan dan permintaan tenaga mahir, di Malaysia.

"Justeru, saya menyarankan kepada pelajar terutama lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) supaya mengambil peluang mendaftar di INPENS untuk menimba ilmu kemahiran kerana pengambilan akan disediakan, pada Januari depan," katanya.

Sumbangan itu disampaikan Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif PERODUA, Dato' Aminar Rasyid Salleh, pada Majlis Penyerahan Sumbangan Kenderaan Perodua 2018, di sini, baru-baru ini.

Terdahulu, jalinan kerjasama PERODUA dilihat mampu membantu INPENS untuk terus tuntas memartabatkan Pendidikan Teknikal dan Kemahiran Vokasional (TVET), sekali gus meningkatkan kualiti kemahiran tenaga mahir, di Selangor.



RM400,000 naik taraf Surau Sungai Pusu



LZS salur RM10 juta bantu golongan pertengahan

SHAH ALAM - Lembaga Zakat Selangor (LZS) memperuntukkan kira-kira RM10.1 juta bagi bantuan persekolahan dan bantuan melanjutkan pelajaran ke institusi pengajian tinggi untuk anak daripada golongan isi rumah pertengahan, tahun hadapan.

Pegawai Penyelaras LZS, Abdul Basith Hamid berkata, bantuan bagi golongan asnaf fisabilillah itu terbuka kepada mereka bermastautin di Selangor dan berpendapatan seisi rumah melebihi daripada Haaddul Kifayah dengan jumlah maksimum RM3,000 dan ia boleh dipohon secara dalam talian.

"Bagi bantuan persekolahan tarikh tutupnya adalah 10 Februari dan bagi bantuan melanjutkan pelajaran ke IPT tarikh tutupnya pula adalah 31 Januari ini.

"Bagi bantuan persekolahan, LZS memperuntukkan RM7 juta dan bagi bantuan IPT pula RM3.1 juta, tarikh tutup permohonan mungkin awal jika

semua peruntukkan ini habis disalurkan. "Kemudian bantuan disalurkan dalam masa 14 hari selepas permohonan diluluskan," katanya kepada pemberita selepas Program Zakat Street On Wheels di Bazar Larut Malam (Up-town) Shah Alam, di Seksyen 24, pada 15 Disember lalu.

Program yang dianjurkan dengan kerjasama Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor itu bertujuan untuk menyampaikan maklumat zakat dengan cara mudah selain mendekati masyarakat yang tidak berkesempatan untuk datang ke kaunter LZS bagi menunaikan Rukun Islam itu.

LZS sebelum ini memperuntukkan lebih RM30 juta kepada lebih 60,000 anak asnaf fakir dan miskin di seluruh Selangor bagi membiayai persiapan persekolahan, bagi sesi 2019.

Abdul Basith berkata, kaunter LZS akan beroperasi setiap hari dalam bulan ini bagi memudahkan orang ra-

mai menunaikan zakat. "Untuk bulan ini, LZS menyasarkan kutipan zakat kira-kira RM200 juta kerana berdasarkan unjuran untuk perbelanjaan bagi menyantuni asnaf, pada tahun hadapan. LZS memerlukan kira-kira RM900 juta buat masa ini LZS berjaya mengumpul kira-kira RM600 juta," katanya.

Di majlis berkenaan, LZS turut menyampaikan pelbagai bantuan zakat berjumlah RM320,198 kepada enam individu terpilih dan sumbangan zakat RM50,000 kepada Kafa Integrasi An-Najahiyah Seksyen 19, di sini, bagi tujuan baik pulih.

Seramai 29 peniaga yang terjejas akibat kebakaran yang berlaku di bazar berkenaan pada 12 November lalu turut menerima sumbangan bernilai RM1,000 setiap seorang daripada LZS.

GOMBAK - Dewan Undangan Negeri Gombak Setia menerima peruntukan RM400,000 bagi menaik taraf Surau Sungai Pusu, di sini.

Ahli Dewan Negerinya, Hilman Idham berkata, peruntukan itu adalah kelulusan daripada Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Dato' Seri Mohamed Azmin Ali merangkap Ahli Parlimen Gombak.

"Saya mengucapkan terima kasih kepada Dato' Seri Mohamed Azmin kerana sudi menghulurkan bantuan membantu menaik taraf surau terbabit.

"Saya optimis penduduk dapat mengimarahkan surau ini selepas kerja menaik taraf dan baik pulih siap sepenuhnya pada masa akan datang, sekali gus dapat dihidupkan sebagai tempat ibadat," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Perdana Program Jelajah Kembali Ke Sekolah, di Dewan Masyarakat Kampung Sungai Pusu, pada 14 Disember lalu.

Turut hadir, Dato' Menteri Besar, Amirudin Shari; Ketua Pegawai Operasi Perbadanan Menteri Besar (MBI) Selangor, Soffan Affendi Aminudin dan Yang Dipertua Majlis Perbandaran Selayang, Suliman Abd Rahman.

Pada majlis sama, Amirudin turut menyerahkan bantuan persekolahan bawah program tanggungjawab sosial korporat MBI dengan peruntukan RM1.7 juta bagi membantu 8,400 pelajar seluruh Selangor yang bakal memulakan sesi persekolahan, tahun depan.

WAKTU SOLAT SELANGOR							
20 - 26 DISEMBER 2018							
12 - 18 RABIULAKHIR 1440H							
Gombak, Hulu Selangor, Rawang, Hulu Langat, Sepang, Petaling dan Shah Alam							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:42	5:52	7:11	1:13	4:36	7:10	8:25
21 Jumaat	5:42	5:52	7:11	1:14	4:37	7:11	8:26
22 Sabtu	5:43	5:53	7:12	1:14	4:37	7:11	8:26
23 Ahad	5:43	5:53	7:12	1:15	4:38	7:12	8:27
24 Isnin	5:44	5:54	7:13	1:15	4:38	7:12	8:27
25 Selasa	5:44	5:54	7:13	1:16	4:39	7:13	8:28
26 Rabu	5:45	5:55	7:14	1:16	4:39	7:13	8:28
Sabak Bernam dan Kuala Selangor							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:44	5:54	7:13	1:16	4:38	7:12	8:27
21 Jumaat	5:44	5:54	7:13	1:16	4:39	7:12	8:27
22 Sabtu	5:45	5:55	7:14	1:17	4:39	7:13	8:28
23 Ahad	5:45	5:55	7:14	1:17	4:40	7:13	8:28
24 Isnin	5:46	5:56	7:15	1:18	4:40	7:14	8:29
25 Selasa	5:46	5:56	7:15	1:18	4:41	7:14	8:29
26 Rabu	5:47	5:57	7:16	1:19	4:41	7:15	8:29
Klang dan Kuala Langat							
	Imsak	Subuh	Syuru'	Zuhur	Asar	Maghrib	Isyak
20 Khamis	5:41	5:51	7:11	1:14	4:37	7:11	8:26
21 Jumaat	5:41	5:51	7:12	1:14	4:37	7:12	8:27
22 Sabtu	5:42	5:52	7:12	1:15	4:38	7:12	8:27
23 Ahad	5:42	5:52	7:13	1:15	4:38	7:13	8:28
24 Isnin	5:43	5:53	7:13	1:16	4:39	7:13	8:28
25 Selasa	5:43	5:53	7:14	1:16	4:39	7:14	8:29
26 Rabu	5:44	5:54	7:14	1:17	4:40	7:14	8:29





OLEH ZAREEF MUZAMMIL **Kempen #DengarSuaraKami**

SHAH ALAM - Pelekat (*sticker*) dilancarkan sempena kempen #DengarSuaraKami mempunyai maklumat lengkap yang diperlukan mangsa keganasan untuk mendapatkan bantuan.

Pengerusi Institut Wanita Berdaya (IWB) Selangor, Dr Daroyah Alwi berkata, melalui pelekat itu, mangsa keganasan dapat keluar daripada kitaran keganasan dengan bantuan daripada organisasi badan bukan kerajaan (NGO) yang menawarkan khidmat kaunseling, maklumat undang-undang dan rumah perlindungan.

Katanya, teori kognitif sosial diketengahkan iaitu mangsa perlu dilengkapi dengan maklumat secukupnya dan seterusnya mendorong mereka bertindak mendapatkan bantuan.

"Organisasi dan NGO yang berkaitan juga sudah dihubungi dan bersetuju talian mereka dimasukkan sebagai

'Sticker' lengkap info bantu mangsa

maklumat pada 'sticker'.

"Justeru, kerjasama dan keprihatinan pemilik bangunan dan premis sangat diharapkan untuk menempatkan 'sticker' ini di lokasi strategik awam yang ada di premis masing-masing seperti tandas wanita, lif dan papan kenyataan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kempen #DengarSuaraKami yang mengangkat tema #HearMeToo, di Foyer SUK, pada 10 Disember lalu.

Dr Daroyah berkata, kempen berkenaan menyasarkan supaya lebih ramai mangsa tampil mendapatkan ban-



tuhan yang disediakan secara percuma.

"Ini memudahkan akses maklumat kepada mangsa atau masyarakat yang mengetahui berkenaan mangsa, di sekeliling mereka.

"Malah, IWB Selangor akan terus memainkan peranan dalam usaha memastikan wanita di negeri ini dapat hidup dengan aman dan sentosa," katanya.

Pada masa sama, beliau turut menggesa seluruh masyarakat, khususnya di Selangor supaya lebih peka dan terus melaporkan segala insiden keganasan kepada pihak berkuasa jika mendapat maklumat berhubung isu itu.



Kes keganasan wanita membimbangkan

SHAH ALAM - Sebanyak 57,519 kes keganasan terhadap wanita di Malaysia dilaporkan sejak 2010 sehingga kini berdasarkan statistik semasa Polis Diraja Malaysia.

EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, perangkaan menunjukkan kes keganasan terhadap wanita seperti rogol, gangguan seksual, keganasan rumah tangga dan ragut berada pada paras membimbangkan.

Katanya, ia bukan hanya menyebabkan kecederaan fizikal dan mental kepada mangsa, sebaliknya boleh mengakibatkan kematian.

"Sebarang tindakan keganasan yang berdasarkan gender mengakibatkan kecederaan fizikal, seks atau psikologi selain mengakibatkan penderitaan kepada wanita.

"Tindakan keganasan lain juga termasuk pelanggaran hak kemanusiaan wanita terutama pembunuhan, perogolan terancang, perhambaan seks dan penghamilan tanpa kerelaan," katanya.

Beliau berkata demikian ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kempen #DengarSuaraKami, di Foyer SUK, pada 10 Disember lalu.

Hadir sama, Ahli Dewan Negeri (ADN) Sementa merangkap

Pengerusi Institut Wanita Berdaya Selangor, Dr Daroyah Alwi dan ADN Permatang, Rozana Zainal Abidin.

Terdahulu, #DengarSuaraKami yang mula diperkenalkan sejak 1991 oleh 'Women Global Leadership Institute' adalah kempen menghapuskan keganasan terhadap wanita yang dikenali sebagai sambutan 16 Hari AktivismenentangKeganasanBerasaskanGender.

Ia berlangsung dari 25 November hingga 10 Disember dengan mengangkat tema #HearMeToo.

Dr Mariah berkata, Kerajaan Negeri menyambut baik program seumpama itu bagi memberi kesedaran kepada wanita untuk kembali bangkit daripada penindasan seterusnya memperntahkan hak asasi seorang manusia.

Katanya, kaum wanita lebih terdedah kepada keganasan berbanding lelaki walaupun mereka turut menjadi mangsa kepada keganasan wanita tetapi nisbahnya terlalu kecil dan kesan tindakan terbahit adalah sedikit.

"Wanita pula disifatkan sebagai subordinasi kepada lelaki iaitu tidak suka kepada keganasan, lebih beremosi dan mudah mengalah.

"Gambaran ini sedikit sebanyak mempengaruhi tindakan keganasan lelaki terhadap wanita," katanya.

ESTERA
@BERNAM JAYA

RUMAH TERES
2 & 2 1/2
TINGKAT

22' x 75' | Dari 2,152 kps

Harga dari
RM450,000*

*Harga jualan selepas diskaun

BERNAM JAYA
OPEN DAY

22 Disember 2018 | 10 pg - 4 ptg
Galeri Jualan Bernam Jaya

BERNAM SQUARE 3
BERNAM JAYA

KEDAI
PEJABAT

Dari 3,374 kps

Harga dari
RM753,300*

*Harga jualan selepas diskaun

017 380 9037 • 011 1429 3079 • 013 939 0310 • 013 342 1098 • 019 303 4342 • 013 323 2158 • 016 251 0113

www.pkns-property.com



Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Blok B, Tingkat 3, Ibu Pejabat PKNS, No. 2 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor | Tel. no: 03-5525 0300
No. lesen pemaju: 9062-105/05-2020/0470(L) Tarikh sah: 16/05/2018 hingga 15/05/2020 No. permit iklan jualan: 9062-105/05-2020/0470(P) Tarikh sah: 16/05/2018 hingga 15/05/2020. Pihak berkuasa yang meluluskan pelan bangunan: Majlis Daerah Hulu Selangor. No. kelulusan pelan: (18)dlm.MDH5.431/06/H/16/002-B Status hakmilik: Pajak tanah selama 99 tahun berakhir pada 25 Februari 2113. Bebanan tanah: Bebas dari sebarang bebanan. Tarikh jangka siap: Disember 2019. Jenis: Rumah Link 2 Tingkat dan Rumah Link 2 1/2 Tingkat. Bilangan unit: 121 Unit (Rumah Link 2 Tingkat) 36 Unit (Rumah Link 2 1/2 Tingkat) Harga minima: RM 452,000 (Rumah Link 2 Tingkat) RM 589,700 (Rumah Link 2 1/2 Tingkat). Maksima: RM 500,000 (Rumah Link 2 Tingkat) RM 632,200 (Rumah Link 2 1/2 Tingkat). Sekatan-sekatan kepentingan: Tanah ini boleh dipindahmilik, dipajak atau digadai. IKLAN INI TELAH DILULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA.

Karnival 3W bantu rakyat jaga kesihatan

SHAH ALAM - Program Karnival 3W akan diadakan di seluruh Selangor mulai tahun depan bagi membantu dan membimbing rakyat bagi pelbagai aspek termasuk penjagaan kesihatan.

EXCO Kesihatan, Kebajikan, Pemberdayaan Wanita dan Keluarga, Dr Siti Mariah Mahmud berkata, karnival itu akan dijalankan di seluruh kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) pada akhir bulan, dari Januari hingga Disember.

"Karnival 3W iaitu 'Women' (Wanita), 'Wellness' (Kesejahteraan) dan 'Welfare' (Kebajikan) adalah program bantuan kepada rakyat negeri ini daripada aspek kebajikan termasuk bimbingan kesedaran bagi menjaga kesihatan fizikal dan mental.

"Program dirancang ini akan kita jalankan di seluruh 12 PBT di Selangor untuk semua golongan sasaran seperti wanita dan orang kelainan upaya dan," katanya.

Beliau berkata, sebagai per-

mulaan pihaknya menjalankan program perintis iaitu ceramah kesihatan dalam program Kembali Ke Sekolah Dengan Minda Sihat, di Pangsapuri Sri Indah, Seri Kembangan.

"Ceramah disampaikan penceramah jemputan memberi kesedaran kepada orang ramai berhubung masalah kesihatan mental dan fizikal," katanya memaklumkan seramai 110 pelajar menerima bantuan dalam program berkenaan.

CASSIA
@ ANTARA GAPI
Signature Series

RUMAH
BERKEMBAR
EKSKLUSIF

40' x 80' | Dari 2,375 kps

Harga dari
RM657,900*

*Harga jualan selepas diskaun

ANTARA GAPI
OPEN DAY

22 Disember 2018 | 10 pg - 4 ptg

Galeri Jualan Antara Gapi



AZHARA
@ ANTARA GAPI

RUMAH
BERKEMBAR

40' x 90' | 40' x 80'
Dari 2,714 kps

Harga dari
RM668,000*

*Harga jualan selepas diskaun

017 380 9037 • 011 1429 3079 • 013 939 0310 • 013 342 1098 • 019 303 4342 • 013 323 2158 • 016 251 0113

www.pkns-property.com

54 Tahun Membina Komuniti, Memperkasa Kehidupan... Merealisasikan Impian



PKNS

WINNER OF THE PRESTIGIOUS
BCI ASIA TOP 10 PROPERTY
DEVELOPERS AWARD
2 YEARS RUNNING



In Praise of Excellence
International Business Review
AWARDS 2009



Malaysian Reserve
editors choice 12
Property Awards



Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS), Bahagian Jualan Hartanah Wilayah Tengah, Blok B, Tingkat 3, Ibu Pejabat PKNS, No. 2 Jalan Indah 14/8, Seksyen 14, 40000 Shah Alam, Selangor | Tel. no : 03-5525 0300

Diterbitkan oleh Kerajaan Negeri Selangor Darul Ehsan

Dicetak oleh NAJ Press Resources (M) Sdn. Bhd., Lot 19, Jalan Lada Hitam 16/12, 40200 Seksyen 16, Shah Alam, Selangor Darul Ehsan. Tel : 03-5519 6373 Faks : 03-5512 7985